




KEMENTERIAN  
PERPADUAN NEGARA

# PELAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK TABIKA PERPADUAN



2021 - 2030





# SIDANG REDAKSI

## PENASIHAT

YB. DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE  
MENTERI PERPADUAN NEGARA

## KETUA EDITOR

YBHG. DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIDANG EDITOR

YBHG. DATO' INDERA NORIDAH BINTI ABDUL RAHIM  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

YBHG. TUAN HJ. ABDUL HALIM BIN HASSAN  
KETUA PENGARAH  
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

ENCIK MOHAMAD SOBRI BIN MAT DAUD  
SETIAUSAHA BAHAGIAN  
BAHAGIAN DASAR DAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA  
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

PUAN FAIROJIBANU BINTI ZAINAL ABIDIN  
PENGARAH  
BAHAGIAN KESEPADUAN SOSIAL DAN INTEGRASI NASIONAL  
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

## PENERBIT

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
ARAS 5-10, BLOK F9, PARCEL F,  
LEBUH PERDANA TIMUR, PRESINT 1,  
62000 PUTRAJAYA, MALAYSIA.





# PELAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK



**TABIKA PERPADUAN**  
**2021 –2030**

**Cetakan Pertama 2021**

©KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

**Hak Cipta Terpelihara.**

Tidak dibenarkan mencetak semula mana-mana bahagian dan kandungan penerbitan ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekali pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Kementerian Perpaduan Negara.

Diterbitkan oleh :-

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Aras 5-10, Blok F9, Parcel F,  
Lebuh Perdana Timur, Presint 1,  
62000 Putrajaya, MALAYSIA.  
Tel : 03-8091 8000  
Email : pro@perpaduan.gov.my



# KANDUNGAN

PRAKATA	3
LAGU NEGARAKU	7
RUKUN NEGARA	8

RINGKASAN EKSEKUTIF PELAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK TABIKA PERPADUAN 2021-2030	11
--	----

## LATAR BELAKANG TABIKA PERPADUAN

1.0	Sejarah Penubuhan Tabika Perpaduan	15
1.1	Objektif Tabika Perpaduan	18
1.2	Kurikulum Pendidikan Tabika Perpaduan	19

## PELAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK TABIKA PERPADUAN 2021-2030

2.0	Matlamat Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030	25
2.1	Teras Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030	26
2.2	Peta Teras Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030	27
2.3	Inisiatif Baharu di Bawah Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030	30

2.3	<b>TERAS 1 : MEMANTAPKAN ELEMEN KENEGARAAN, PERPADUAN DAN NILAI MURNI DALAM KURIKULUM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TABIKA PERPADUAN</b>	33
	Strategi 1 : Memperkuuh Penghayatan Pendidikan Rukun Negara	35
	Strategi 2 : Menerapkan Elemen Perpaduan Dan Nilai- Nilai Murni Dalam Diri Murid	42
2.4	<b>TERAS 2 : MEMANTAPKAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)</b>	61
	Strategi 1 : Mewujudkan Keseragaman Dalam Perancangan Pengajaran	63
	Strategi 2 : Meningkatkan Kreativiti Dalam Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP)	66
	Strategi 3 : Memantapkan Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) Melalui Penggunaan Teknologi	87
2.5	<b>TERAS 3 : MEMANTAPKAN PROFESIONALISME DAN KEPAKARAN GURU TABIKA PERPADUAN</b>	95
	Strategi 1 : Meningkatkan Pengetahuan Dan Kemahiran Guru	97
	Strategi 2 : Memberi Pentaulahan Kepakaran Mengikut Tunjang Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)	114
2.6	<b>TERAS 4 : MEMANTAPKAN TADBIR URUS PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN TABIKA PERPADUAN</b>	121
	Strategi 1 : Mengaplikasi Penggunaan Teknologi Dalam Pengurusan Dan Pengoperasian Tabika Perpaduan	123
	Strategi 2 : Meningkatkan Kualiti Pengurusan Dan Pengoperasian Tabika Perpaduan	126
	Strategi 3 : Meningkatkan Imej Tabika Perpaduan	130
2.7	<b>TERAS 5 : MENGUKUHKAN JALINAN KERJASAMA TABIKA PERPADUAN BERSAMA KOMUNITI</b>	139
	Strategi 1 : Memperkasa Peranan Dan Tanggungjawab Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan (JPTP)	141
	Strategi 2 : Memperluas Jalinan Kerjasama Dengan Komuniti	146
2.8	<b>TERAS 6 : MEMPERKASAKAN MEKANISME PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN TABIKA PERPADUAN</b>	153
	Strategi 1 : Menubuhkan Unit Naziran	155
	Strategi 2 : Melaksanakan Sistem <i>Star Rating</i> Tabika Perpaduan	160
	<b>PENUTUP</b>	165
	<b>GLOSARI</b>	168



# PERUTUSAN MENTERI PERPADUAN NEGARA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan.

Anak-anak merupakan aset yang paling bernilai dan perlu dibangunkan mengikut acuan negara kita sendiri. Ibu bapa dan guru memainkan peranan yang amat penting dalam perkembangan sahsiah dan pembangunan potensi anak-anak. Ini kerana, perkembangan seseorang kanak-kanak adalah bermula dari rumah sebelum mereka melangkah ke alam persekolahan seawal usia empat (4) hingga enam (6) tahun.

Justeru, pendidikan awal kanak-kanak amat penting dalam memastikan pembangunan murid yang holistik mencakupi aspek jasmani, emosi, sosial, intelek dan rohani dalam persekitaran pembelajaran yang kondusif dan interaktif. Pada peringkat ini, murid akan dibimbing dengan kemahiran keyakinan dan membentuk konsep kendiri yang positif berdasarkan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) sebagai persediaan untuk mengikuti pendidikan di peringkat sekolah rendah kelak.

Kementerian Perpaduan Negara bertanggungjawab memainkan peranan penting dalam penyediaan pendidikan awal kanak-kanak melalui Tabika Perpaduan yang telah wujud sejak tahun 1976. Setelah lebih 45 tahun memainkan peranan dan menggalas tanggungjawab ini, Tabika Perpaduan kini dimantapkan dan diberi nafas baharu melalui Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030.

Pembangunan Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 adalah berteraskan prinsip Rukun Negara selari dengan aspirasi Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030. Pelan ini menggariskan enam (6) teras dan 14 strategi akan dilaksanakan melalui 40 program yang telah disusun.

Marilah kita bersama-sama menjayakan Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 ini bagi memperkuuhkan institusi Tabika Perpaduan dalam melahirkan dan membentuk murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.

YB. DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE



## KATA ALU-ALUAN TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA



Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan.

Tabika Perpaduan yang mula diwujudkan di bawah Rancangan Perhubungan Masyarakat berperanan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan kanak-kanak. Saya amat gembira melihat perkembangan pendidikan awal kanak-kanak di negara ini. Kurikulum dan sistem pembelajaran sentiasa diperkemas dari masa ke semasa dengan memberi penekanan kepada pembangunan kanak-kanak secara holistik.

Dalam konteks negara kita sekarang, saya berharap semua pihak termasuklah guru, ibu bapa dan masyarakat secara keseluruhannya dapat mengukuhkan jalinan kerjasama memainkan peranan yang lebih proaktif dalam memastikan perpaduan dapat disemai, dipupuk dan keharmonian negara sentiasa dipelihara.

Usaha pemerkasaan pendidikan awal kanak-kanak Tabika Perpaduan secara menyeluruh ini merupakan satu langkah yang bertepatan bagi memastikan Tabika Perpaduan dapat memainkan peranannya dengan lebih cemerlang.

Saya juga berharap agar Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 ini akan dapat menjadi panduan dalam usaha memantapkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak serta memelihara perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat.

YB. SENATOR DATO' SRI TI LIAN KER



# PRAKATA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan.

Tabika Perpaduan diwujudkan bukan sahaja bertujuan untuk menyediakan pendidikan awal kepada kanak-kanak berumur empat (4) hingga enam (6) tahun tetapi juga bertujuan untuk menyemai dan memupuk perpaduan.

Kementerian Perpaduan Negara sentiasa memastikan Tabika Perpaduan dapat memainkan peranan yang berkesan bagi mencapai objektif penubuhannya. Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 ini menggariskan pelbagai program yang turut melibatkan kerjasama bersepadu pelbagai pihak khususnya komuniti setempat.

Bagi memastikan Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 ini berjaya dilaksanakan, Kementerian Perpaduan Negara juga telah menubuhkan Unit Naziran yang akan sentiasa memantau pelaksanaan serta menilai pencapaian dan impak program berkenaan.

Justeru adalah amat diharapkan agar semua pihak yang terlibat dapat memainkan peranan dengan sebaiknya untuk memastikan pelan ini dapat diterjemahkan kepada pelaksanaan yang berkesan ke arah pembentukan modal insan yang cemerlang sebagai aset masa depan negara.

DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI



# PRAKATA

## KETUA PENGARAH

### JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Serpaduan.

Bersyukur ke hadrat Ilahi dengan izin-Nya, Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 berjaya disiapkan. Pelan yang dibangunkan ini akan dapat menyediakan panduan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dalam memperkasakan Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Tabika Perpaduan.

Pelan ini memberi fokus kepada enam (6) aspek iaitu kurikulum, pengajaran dan pembelajaran (PdP), guru Tabika Perpaduan, tadbir urus, jalinan kerjasama dan naziran.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional komited dalam setiap program yang digariskan di bawah Pelan ini dilaksanakan dengan jayanya dan mencapai impak yang ditetapkan.

TUAN HAJI ABD HALIM BIN HASSAN

# LAGU NEGARAKU

**Negaraku**  
**Tanah tumpahnya darahku**  
**Rakyat hidup**  
**bersatu dan maju**

**Rahmat bahagia**  
**Tuhan kurniakan**  
**Raja kita**  
**selamat bertakhta**

**Rahmat bahagia**  
**Tuhan kurniakan**  
**Raja kita**  
**selamat bertakhta**

# RUKUN NEGARA

**BAHAWASANYA NEGARA KITA, MALAYSIA mendukung cita-cita hendak:**

- Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
- Memelihara satu cara hidup demokratik;
- Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak; dan
- Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

**MAKA KAMI**, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**

**KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**

**KELUHURAN PERLEMBAGAAN**

**KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**

**KESOPANAN DAN KESUSILAAN**




**“Kita berasa bangga menjadi warganegara Malaysia walau apa pun kaum, agama dan warna kulit kita kerana kita mempunyai jati diri yang sebahagiannya dibentuk oleh prinsip Rukun Negara. Kelima-lima prinsip ini menjadi asas identiti diri dan penyatuan kita sebagai bangsa Malaysia”.**

*- Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd. Yassin,  
YAB. Perdana Menteri Malaysia.*



# **RINGKASAN EKSEKUTIF PELAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK TABIKA PERPADUAN 2021-2030**



## RINGKASAN EKSEKUTIF

**Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030** merupakan inisiatif Kementerian Perpaduan Negara untuk memberi suntikan dan nafas baharu kepada program Pendidikan Awal Kanak-kanak Tabika Perpaduan.

Matlamat pelan ini adalah untuk memperkuuh dan memantapkan peranan Tabika Perpaduan sebagai institusi pendidikan awal kanak-kanak dalam memperkembangkan potensi serta melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.

**Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030** ini merangkumi pemantapan dan pengukuhan yang menyeluruh meliputi aspek kurikulum, kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP), guru Tabika Perpaduan, tadbir urus, jalinan kerjasama dan sistem pemantauan.

Bagi mencapai matlamat yang ditetapkan, Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 menggariskan **enam (6) teras** iaitu :

- i. **Memantapkan elemen kenegaraan, perpaduan dan nilai murni dalam kurikulum pengajaran dan pembelajaran Tabika Perpaduan;**
- ii. **Memantapkan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP);**
- iii. **Memantapkan profesionalisme dan kepakaran guru Tabika Perpaduan;**
- iv. **Memantapkan tadbir urus pengurusan dan pengoperasian Tabika Perpaduan;**
- v. **Mengukuhkan jalinan kerjasama Tabika Perpaduan bersama komuniti; dan**
- vi. **Memperkasakan mekanisme pemantauan dan penilaian pengurusan dan pengoperasian Tabika Perpaduan.**

Enam (6) teras ini adalah selari dengan aspirasi dan strategi Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030. Pelan ini juga adalah menepati aspirasi dan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan.

Sebanyak **14 strategi** dan **40 program** telah disusun dalam usaha untuk memperkasakan Tabika Perpaduan sebagai sebuah institusi pendidikan yang berupaya membentuk dan memperkembangkan potensi murid yang berumur di antara empat (4) hingga enam (6)

tahun. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan adalah secara menyeluruh dan bersepada merangkumi aspek jasmani, emosi, sosial, intelek dan rohani berdasarkan kepada penghayatan pendidikan Rukun Negara.

Usaha mempertingkatkan kualiti Tabika Perpaduan yang dilaksanakan secara inklusif ini adalah bertujuan untuk memastikan semua murid berpeluang menerima pendidikan yang berkualiti dan menepati matlamat penubuhannya sebagai tapak integrasi untuk menyemai dan memupuk semangat perpaduan.





**“Kita hendaklah sentiasa berpandu kepada cita-cita membentuk satu negara di mana rakyatnya dari pelbagai kaum dan golongan dapat dijalin dalam satu ikatan yang padu”**

*- Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein,  
Perdana Menteri Malaysia ke-2 (1970-1976).*



# **LATAR BELAKANG TABIKA PERPADUAN**



## SEJARAH TABIKA PERPADUAN

**Tabika Perpaduan mula diperkenalkan pada tahun 1976 di bawah Rancangan Perhubungan Masyarakat, Lembaga Perpaduan Negara, Jabatan Perdana Menteri. Pada ketika itu Lembaga Perpaduan Negara telah dipertanggungawabkan ke atas kesemua perkara berhubung dengan soal-soal perhubungan kaum dan perpaduan negara.**

**S**ebanyak 25 buah kelas Tabika Perpaduan diwujudkan sebagai projek rintis di pinggir bandar dan bandar. Matlamat utama penubuhannya pada ketika itu adalah untuk memupuk semangat muhibah dan perpaduan antara kaum.

Pada peringkat awal penubuhan Tabika Perpaduan, sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Kebajikan Tabika Perpaduan (JKTP) yang berperanan untuk menjalankan kerjasama dengan guru bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti di luar kelas bersama komuniti. Pengurus JKTP dihadkan kepada ibubapa atau penjaga sahaja manakala Ahli JKTP adalah terdiri daripada wakil ibu bapa, guru dan Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga.

Penubuhan Tabika Perpaduan telah diperluaskan seiring dengan keperluan semasa di mana sehingga tahun 1997, sebanyak 1,073 buah Tabika Perpaduan telah ditubuhkan.

Pada tahun 1997 juga, Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan (JPTP) telah ditubuhkan bagi menggantikan JKTP. Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan tidak menghadkan pelantikan Pengurus kepada ibu bapa atau penjaga sahaja tetapi boleh dipengerusikan oleh Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga atau masyarakat setempat.



Perubahan ini bertujuan untuk memperkasakan peranan JPTP dengan wujudnya penglibatan Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga yang lebih berpengaruh dan berkebolehan dalam menggerakkan kerjasama antara Tabika Perpaduan dengan masyarakat setempat.

Sejajar dengan perubahan ini, konsep Tabika Perpaduan juga ditukar daripada Konsep Muhibah kepada Konsep Pemasyarakatan Tabika Perpaduan. Konsep Pemasyarakatan Tabika Perpaduan bertujuan untuk menggalakkan penglibatan komuniti setempat dalam aktiviti-aktiviti Tabika Perpaduan termasuklah aktiviti kebajikan, kerohanian, keselamatan, rekreasi dan riadah.

Berikutan penubuhan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) pada 10 Mac 2020, konsep Tabika Perpaduan telah dimantapkan dengan memberi tumpuan kepada penghayatan pendidikan Rukun Negara dan nilai-nilai murni bagi memupuk semangat perpaduan dan cintakan negara.

Sehingga 31 Disember 2020, terdapat sebanyak 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara. Penubuhan Tabika Perpaduan masih kekal dalam kawasan bandar dan pinggir bandar. Bermula tahun 2021, Kementerian Perpaduan Negara dan Jabatan Perpaduan

Negara dan Integrasi Nasional akan memastikan penubuhan kelas-kelas baharu Tabika Perpaduan dilaksanakan secara lebih terancang.

## SEJARAH TABIKA PERPADUAN



**1976**

- Mula Diwujudkan
- Konsep : Memupuk Semangat Muhibah
- Projek Rintis : 25 Buah Tabika
- Penubuhan : Pinggir Bandar & Bandar
- Menggunakan Logo Rukun Tetanga



**1997**

- Konsep Pemasyarakatan TP
- Penubuhan TP - 1,073 Kelas
- Penubuhan : Pinggir Bandar & Bandar
- Penubuhan JPTP
- Menggunakan Logo Rukun Tetanga



**2021**

- Konsep : Pemupukan Semangat Cintakan Negara Dan Perpaduan
- Jumlah TP : 1,781 Kelas
- Penubuhan : Pinggir Bandar & Bandar
- Pemantapan JPTP
- Logo Tabika Perpaduan

## OBJEKTIF TABIKA PERPADUAN

1

**Membentuk Murid Yang Mempunyai Semangat Patriotisme Dan Semangat Perpaduan.**

- Murid dapat menunjukkan semangat cintakan negara
- Murid dapat meraikan kepelbagaian kaum dan etnik yang ada di negara kita

2

**Membentuk Kemenjadian Murid Dan Memperkembangkan Konsep Kendiri.**

- Murid berpotensi untuk berfikir secara kritis dan kreatif serta responsif dalam sesi pembelajaran.
- Murid menampilkan peribadi dan perwatakan yang positif.



# KURIKULUM PENDIDIKAN TABIKA PERPADUAN

Tabika Perpaduan mengikuti dan menggunakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) ini mengandungi **enam (6) tunjang** sebagai asas utama pembelajaran iaitu :

**Tunjang Komunikasi**

**Tunjang Kerohanian,  
Sikap dan Nilai**

**Tunjang Kemanusiaan**

**Tunjang Keterampilan Diri**

**Tunjang Perkembangan  
Fizikal dan Estetika**

**Tunjang Sains dan  
Teknologi**

Matlamat KSPK ini adalah untuk memperkembangkan potensi murid seawal usia empat (4) hingga enam (6) tahun secara holistik dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

Berdasarkan matlamat dan **enam (6) tunjang** yang digariskan di bawah KSPK tersebut Kementerian Perpaduan Negara telah membangunkan modul pendidikan khusus bagi Tabika Perpaduan berdasarkan Rukun Negara. Elemen kenegaraan dan perpaduan yang merupakan nilai tambah yang diterapkan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di Tabika Perpaduan adalah bertujuan untuk menyemai dan memupuk semangat patriotisme dan perpaduan dalam diri murid seawal usia empat (4) hingga enam (6) tahun. Nilai tambah yang dihasilkan bukan sahaja melalui aktiviti kurikulum tetapi turut diterapkan dalam aktiviti kokurikulum.

# KURIKULUM PENDIDIKAN TABIKA PERPADUAN

## TUNJANG KOMUNIKASI

Tunjang Komunikasi bertujuan untuk memberi pendedahan kepada murid tentang kemahiran berbahasa secara lisan dan bukan lisan semasa berinteraksi. Selain daripada Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, Tabika Perpaduan turut memperkenalkan komunikasi asas Bahasa Ketiga iaitu Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil di semua Tabika Perpaduan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan, manakala Bahasa Kadazan di semua Tabika Perpaduan di Sabah dan Bahasa Iban di semua Tabika Perpaduan di Sarawak.

## TUNJANG KEROHANIAN, SIKAP DAN NILAI

Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai memberi penekanan kepada penghayatan amalan agama, kepercayaan, sikap dan nilai. Untuk tujuan tersebut, modul khusus Pendidikan Rukun Negara telah diperkenalkan di Tabika Perpaduan. Selain itu juga, elemen-elemen perpaduan dan nilai murni turut diterapkan dalam buku aktiviti bagi setiap mata pelajaran.

## TUNJANG KEMANUSIAAN

Tunjang Kemanusiaan bertujuan untuk memberi peluang kepada murid mengenali dan menghargai diri sendiri, orang di sekeliling, komuniti setempat, alam sekitar, negara dan global. Penerapan elemen nilai murni dalam tunjang ini dapat membina insan yang cemerlang melalui pengamalan nilai yang baik setiap masa dalam kehidupan seharian. Antara program yang dilaksanakan di bawah tunjang kemanusiaan ini adalah program Jom Beraya, 1 Minggu 1 Nilai dan *Unity Day*.

## **TUNJANG KETERAMPILAN DIRI**

Tunjang Keterampilan Diri memberi penekanan kepada pengurusan emosi, membentuk kemahiran sosial dan membina konsep kendiri murid. Bagi tujuan melahirkan murid yang mempunyai kemahiran sosial yang baik dan boleh berdikari, beberapa program diperkenalkan seperti Sayangi Rakan, Minda Positif dan Jom Urus Diri.

## **TUNJANG PERKEMBANGAN FIZIKAL DAN ESTETIKA**

Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika merangkumi Perkembangan Fizikal dan Penjagaan Kesihatan serta Perkembangan Kreativiti. Di bawah tunjang ini, murid diajar berkenaan dengan kepentingan menjaga kesihatan melalui aktiviti seperti nyanyian lagu Ayuh Cuci Tangan, Senam Harmoni dan Kraf Kami.

## **TUNJANG SAINS DAN TEKNOLOGI**

Tunjang Sains dan Teknologi merangkumi pengenalan sains dan matematik serta penggunaan ICT. Di bawah tunjang ini, Tabika Perpaduan menggalakkan penggunaan ICT yang digabung jalin dengan bahan bantu mengajar bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih interaktif dan menarik minat murid. Selain itu, aktiviti-aktiviti di luar bilik darjah seperti program cendekiawan cilik memberi peluang kepada murid untuk meneroka alam sekeliling dan menggalakkan mereka menjadi lebih kreatif dan inovatif.





**MEMBUDAYAKAN  
PERPADUAN,  
MERAIKAN  
KEPELBAGAIAN**




# **PELAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK TABIKA PERPADUAN 2021-2030**

# MATLAMAT PELAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK TABIKA PERPADUAN 2021-2030

**Matlamat Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 ini adalah untuk memperkuuh dan memantapkan peranan Tabika Perpaduan sebagai institusi pendidikan awal kanak-kanak dalam memperkembangkan potensi serta melahirkan murid yang mempunyai semangat patriotisme dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.**

**Program pengajaran dan pembelajaran Tabika Perpaduan memfokuskan kepada penghayatan pendidikan Rukun Negara dan penerapan nilai-nilai murni. Ini bertujuan untuk membentuk kemenjadian murid yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, semangat cintakan negara dan mempunyai akhlak yang mulia.**

# TERAS PELAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK TABIKA PERPADUAN 2021-2030



# PETA TERAS PELAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK TABIKA PERPADUAN 2021-2030

## TERAS 1

MEMANTAPKAN ELEMEN  
KENEGARAAN,  
PERPADUAN DAN NILAI  
MURNI DALAM  
KURIKULUM  
PENGAJARAN DAN  
PEMBELAJARAN TABIKA  
PERPADUAN

### STRATEGI 1:

Memperkuuh Penghayatan  
Pendidikan Rukun Negara

### STRATEGI 2:

Menerapkan Elemen Perpaduan  
Dan Nilai- Nilai Murni Dalam Diri  
Murid

## TERAS 2

MEMANTAPKAN KAEDAH  
PENGAJARAN DAN  
PEMBELAJARAN (PdP)

### STRATEGI 1:

Mewujudkan Keseragaman  
Dalam Perancangan Pengajaran

### STRATEGI 2:

Meningkatkan Kreativiti Dalam  
Aktiviti Pengajaran Dan  
Pembelajaran (PdP)

### STRATEGI 3:

Memantapkan Aktiviti  
Pengajaran Dan Pembelajaran  
(PdP) Melalui Penggunaan  
Teknologi

## TERAS 3

MEMANTAPKAN  
PROFESIONALISME DAN  
KEPAKARAN GURU  
TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 1:

Meningkatkan Pengetahuan  
Dan Kemahiran Guru

### STRATEGI 2:

Memberi Pentaulahan  
Kepakaran Mengikut Tunjang  
Kurikulum Standard Prasekolah  
Kebangsaan (KSPK)

# PETA TERAS PELAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK TABIKA PERPADUAN 2021-2030

## TERAS 4

MEMANTAPKAN TADBIR  
URUS PENGURUSAN DAN  
PENGOPERASIAN TABIKA  
PERPADUAN

### STRATEGI 1:

Mengaplikasi Penggunaan  
Teknologi Dalam Pengurusan  
Dan Pengoperasian Tabika  
Perpaduan

### STRATEGI 2:

Meningkatkan Kualiti  
Pengurusan Dan  
Pengoperasian Tabika  
Perpaduan

### STRATEGI 3:

Meningkatkan Imej Tabika  
Perpaduan

## TERAS 5

MENGUKUHKAN JALINAN  
KERJASAMA TABIKA  
PERPADUAN BERSAMA  
KOMUNITI

### STRATEGI 1:

Memperkasa Peranan Dan  
Tanggungjawab Jawatankuasa  
Penyelaras Tabika Perpaduan  
(JPTP)

### STRATEGI 2:

Memperluas Jalinan Kerjasama  
Dengan Komuniti

## TERAS 6

MEMPERKASAKAN  
MEKANISME  
PEMANTAUAN DAN  
PENILAIAN  
PENGURUSAN DAN  
PENGOPERASIAN TABIKA  
PERPADUAN

### STRATEGI 1:


Menubuhkan Unit Naziran

### STRATEGI 2:

Melaksanakan Sistem Star  
Rating Tabika Perpaduan



# INISIATIF BAHARU DI BAWAH PELAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK TABIKA PERPADUAN 2021-2030





# **PERPADUAN TERAS KEHARMONIAN**

# **TERAS 1**

---

**MEMANTAPKAN ELEMEN KENEGARAAN,  
PERPADUAN DAN NILAI MURNI  
DALAM KURIKULUM PENGAJARAN  
DAN PEMBELAJARAN TABIKA PERPADUAN**

# TERAS 1

## MEMANTAPKAN ELEMEN KENEGARAAN, PERPADUAN DAN NILAI MURNI DALAM KURIKULUM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 1

MEMPERKUKUH  
PENGHAYATAN  
PENDIDIKAN RUKUN  
NEGARA

### STRATEGI 2

MENERAPKAN ELEMEN  
PERPADUAN DAN  
NILAI- NILAI MURNI  
DALAM DIRI MURID

# **TERAS 1**

## **MEMANTAPKAN ELEMEN KENEGARAAN, PERPADUAN DAN NILAI MURNI DALAM KURIKULUM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TABIKA PERPADUAN**

**T**eras pertama Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 mengandungi dua (2) strategi iaitu:

- i. Memperkuuh Penghayatan Pendidikan Rukun Negara; dan
- ii. Menerapkan Elemen Perpaduan Dan Nilai-Nilai Murni Dalam Diri Murid.

Penghayatan pendidikan Rukun Negara diperkenalkan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Tabika Perpaduan bertujuan untuk memupuk semangat patriotisme seawal usia empat (4) hingga enam (6) tahun. Manakala inisiatif penerapan nilai-nilai murni adalah bertujuan menyemai dan memupuk elemen perpaduan di peringkat awal persekolahan agar sentiasa dijawi dan dijadikan amalan dalam kehidupan seharian.

Justeru, Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menerbitkan buku khusus yang mengandungi elemen kenegaraan, perpaduan dan nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Tabika Perpaduan yang terdiri daripada:

- i. Buku Pendidikan Rukun Negara.
- ii. Lima (5) buah Buku Aktiviti Tabika Perpaduan iaitu:
  - a. Buku Bahasa Melayu
  - b. Buku Bahasa Inggeris
  - c. Buku Matematik Awal
  - d. Buku Sains Awal
  - e. Buku Pendidikan Moral
- iii. Lembaran Kerja bagi setiap mata pelajaran sebagai aktiviti pengukuhan kepada murid Tabika Perpaduan.

Modul Jom Urus Diri pula diperkenalkan bagi memberi pendedahan kepada murid tentang kemahiran asas pengurusan diri di rumah dan seterusnya membentuk disiplin dalam diri murid.

Modul komunikasi asas bahasa ketiga juga diperkenalkan bagi memberi pendedahan kepada murid tentang asas komunikasi bahasa kaum-kaum utama di Malaysia. Bahasa ketiga yang diajar adalah terdiri daripada Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil di semua Tabika Perpaduan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan, manakala Bahasa Kadazan di semua Tabika Perpaduan di Sabah dan Bahasa Iban di semua Tabika Perpaduan di Sarawak.

# **TERAS 1 : STRATEGI 1**

## **MEMPERKUKUH PENGHAYATAN PENDIDIKAN RUKUN NEGARA**

MY RUKUN NEGARA : MODUL PENDIDIKAN RUKUN NEGARA	37
MY RUKUN NEGARA : SUDUT RUKUN NEGARA	38
DRAMA MUZIKAL	39
IRAMA DAN LAGU	40
MALAYSIAKU MERDEKA	41

**TERAS 1 : STRATEGI 1****MEMPERKUKUH PENGHAYATAN PENDIDIKAN  
RUKUN NEGARA**

Strategi ini memberi penekanan kepada pengetahuan, pemahaman dan penghayatan berkenaan prinsip-prinsip Rukun Negara seperti berikut:

**1. KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN****2. KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA****3. KELUHURAN PERLEMBAGAAN****4. KEDAULATAN UNDANG-UNDANG****5. KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

Murid-murid Tabika Perpaduan diberikan pengetahuan dan pemahaman bagaimana prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara boleh diamalkan dalam kehidupan seharian dan meraikan kepelbagaian kaum yang ada dalam persekitaran mereka.

## TERAS 1 : STRATEGI 1

## MEMANTAPKAN ELEMEN KENEGARAAN, PERPADUAN DAN NILAI MURNI DALAM KURIKULUM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 1 : MEMPERKUKUH PENGHAYATAN PENDIDIKAN RUKUN NEGARA

#### PROGRAM

#### MY RUKUN NEGARA : MODUL PENDIDIKAN RUKUN NEGARA

##### 1. OBJEKTIF PROGRAM

Memberi pengetahuan dan kefahaman kepada murid berkenaan Prinsip Rukun Negara yang perlu dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian.

##### 2. MEKANISME PELAKSANAAN

Penyedian buku khusus berkaitan Pendidikan Rukun Negara:

- Kaedah pelaksanaan adalah melalui latihan dalam buku, simulasi dan penggunaan bahan bantu mengajar seperti *flash card* dan tayangan video.

##### 3. TEMPOH PELAKSANAAN

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

##### 4. IMPAK PROGRAM

- Murid dapat mengetahui dan memahami prinsip-prinsip Rukun Negara.
- Murid dapat menunjukkan nilai-nilai murni yang dipelajari semasa berinteraksi bersama guru, rakan dan orang sekeliling.



## TERAS 1 : STRATEGI 1

## MEMANTAPKAN ELEMEN KENEGARAAN, PERPADUAN DAN NILAI MURNI DALAM KURIKULUM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 1 : MEMPERKUKUH PENGHAYATAN PENDIDIKAN RUKUN NEGARA

#### PROGRAM

#### MY RUKUN NEGARA : SUDUT RUKUN NEGARA

##### 1. OBJEKTIF PROGRAM

- Memberi pengetahuan dan kefahaman kepada murid berkenaan Prinsip-prinsip Rukun Negara.
- Memberi pengetahuan kepada murid berkenaan sejarah dan tokoh-tokoh negara.

##### 2. MEKANISME PELAKSANAAN

- Sudut Rukun Negara merupakan satu ruang khusus yang disediakan di dalam kelas atau di luar kelas yang memaparkan maklumat tentang Rukun Negara dan nilai-nilai yang boleh diamalkan dalam kehidupan seharian.
- Pengisian program adalah dalam bentuk pelbagai bahan bantu mengajar yang menarik dan interaktif seperti gambar, carta dan kad. Subjek yang boleh ditonjolkan termasuk tokoh-tokoh Negarawan, Mercu Tanda Negara, Bendera Negara dan Negeri serta Lagu 5 Prinsip Rukun Negara.
- Melibatkan sesi penerangan oleh murid bersama rakan sekelas berkenaan maklumat di sudut tersebut dengan bimbingan guru.

##### 3. TEMPOH PELAKSANAAN

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

##### 4. IMPAK PROGRAM

- Murid mengetahui dan memahami Prinsip-prinsip Rukun Negara.
- Murid mengetahui berkenaan lambang negara seperti bendera dan simbol yang terdapat di dalamnya serta mercu tanda negara seperti bangunan Parlimen dan Tugu Negara.
- Murid dapat mengenali tokoh dan pejuang kemerdekaan negara seperti Tunku Abdul Rahman, Datuk Bahaman dan Tok Janggut.

## TERAS 1 : STRATEGI 1

## MEMANTAPKAN ELEMEN KENEGARAAN, PERPADUAN DAN NILAI MURNI DALAM KURIKULUM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 1 : MEMPERKUKUH PENGHAYATAN PENDIDIKAN RUKUN NEGARA

#### PROGRAM

#### DRAMA MUZIKAL

**1. OBJEKTIF PROGRAM**

Memberi pengetahuan dan pemahaman secara praktikal kepada murid berkaitan peristiwa-peristiwa bersejarah dalam negara melalui aktiviti lakonan dan nyanyian.

**2. MEKANISME PELAKSANAAN**

- Aktiviti persembahan lakonan dan muzikal.
- Murid akan melakonkan cerita pendek berdasarkan sejarah negara, cerita rakyat dan kepelbagaian budaya. Setiap murid diberikan peranan atau watak dalam drama tersebut.
- Guru akan memberi penerangan tentang peranan setiap watak dalam drama berkenaan.

**3. TEMPOH PELAKSANAAN**

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

**4. IMPAK PROGRAM**

- Meningkatkan kesedaran dan penghayatan murid terhadap peristiwa bersejarah negara serta mengenali tokoh-tokoh negara.
- Meningkatkan potensi diri dan menyerlahkan bakat murid.
- Meningkatkan keyakinan murid dengan kebolehan diri sendiri.



## TERAS 1 : STRATEGI 1

## MEMANTAPKAN ELEMEN KENEGARAAN, PERPADUAN DAN NILAI MURNI DALAM KURIKULUM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 1 : MEMPERKUKUH PENGHAYATAN PENDIDIKAN RUKUN NEGARA

#### PROGRAM

#### IRAMA DAN LAGU

**1. OBJEKTIF PROGRAM**

Memberi pendedahan kepada murid tentang lagu-lagu patriotik.

**2. MEKANISME PELAKSANAAN**

- Guru akan menayangkan klip video lagu patriotik dan akan memberhentikan klip video pada bila-bila masa, di mana kemudiannya murid perlu menyambung lirik lagu tersebut.
- Antara lagu patriotik adalah seperti Saya Anak Malaysia, Jalur Gemilang, Keranamu Malaysia dan Tanggal 31.

**3. TEMPOH PELAKSANAAN**

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

**4. IMPAK PROGRAM**

Murid dapat mengetahui menyanyikan lagu-lagu patriotik dan dapat menimbulkan semangat cintakan negara.



## TERAS 1 : STRATEGI 1

## MEMANTAPKAN ELEMEN KENEGARAAN, PERPADUAN DAN NILAI MURNI DALAM KURIKULUM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 1 : MEMPERKUKUH PENGHAYATAN PENDIDIKAN RUKUN NEGARA

#### PROGRAM

#### MALAYSIAKU MERDEKA

##### 1. OBJEKTIF PROGRAM

Memberi pengetahuan kepada murid tentang sejarah kemerdekaan negara.

##### 2. MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru menerangkan tentang sejarah kemerdekaan Negara dan tujuan diadakan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada setiap tahun.
- Menjalankan aktiviti perarakan murid sekitar Tabika Perpaduan, peragaan pakaian tradisional, pertandingan mewarna dan kibar Jalur Gemilang.
- Pelaksanaan aktiviti ini adalah sepanjang bulan kemerdekaan iaitu mulai 16 Ogos hingga 16 September setiap tahun.

##### 3. TEMPOH PELAKSANAAN

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

##### 4. IMPAK PROGRAM

- Murid dapat mengetahui sejarah dan peristiwa perjuangan kemerdekaan negara.
- Murid dapat mengetahui sejarah penubuhan negara Malaysia.



# **TERAS 1: STRATEGI 2**

## **MENERAPKAN ELEMEN PERPADUAN DAN NILAI-NILAI MURNI DALAM DIRI MURID**

RAIKAN BAHASA KITA	44
PERPADUAN DALAM PEMBELAJARAN	45
PEKA NILAI : 1 MINGGU 1 NILAI	46
PEKA NILAI : TAKE 5 - BIJAK BERTINDAK	47
PEKA NILAI : SAYANGI RAKAN	48
PEKA NILAI : MINDA POSITIF	49
CELIK BUDAYA : SENAM HARMONI	50
CELIK BUDAYA : KRAF KAMI	51
CELIK BUDAYA : LAT TALI LAT TAMPLOM	52
KITA ANAK MALAYSIA : JOM BERAYA	53
KITA ANAK MALAYSIA : ENAKNYA	54
KITA ANAK MALAYSIA : UNITY DAY	55
KITA ANAK MALAYSIA : WIRAKU	56
JOM URUS DIRI	57

## TERAS 1: STRATEGI 2

### MENERAPKAN ELEMEN PERPADUAN DAN NILAI-NILAI MURNI DALAM DIRI MURID

Penerapan elemen perpaduan dan nilai-nilai murni perlu diberi penekanan di peringkat awal usia untuk membentuk kanak-kanak yang mempunyai peribadi yang baik dan akhlak yang mulia. 14 nilai murni yang diterapkan kepada murid adalah seperti berikut:

- |    |                                 |   |
|----|---------------------------------|---|
| 1  | <b>Kepercayaan Kepada Tuhan</b> | Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala ajaran berlandaskan pegangan agama atau kepercayaan masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara. |
| 2  | <b>Baik hati</b>                | Kepekaan keperluan membantu orang lain secara ikhlas.   |
| 3  | <b>Bertanggung jawab</b>        | Kesanggupan untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna.   |
| 4  | <b>Berterima kasih</b>          | Menunjukkan sikap berterima kasih atas pemberian, bantuan dan jasa yang diterima.   |
| 5  | <b>Hemah tinggi</b>             | Mengamalkan sikap sopan dalam pertuturan dan tingkah laku.  |
| 6  | <b>Hormat</b>                   | Menunjukkan sikap hormat kepada orang lain dalam pelbagai situasi.  |
| 7  | <b>Kasih sayang</b>             | Kepekaan dan perasaan menyayangi diri sendiri, orang lain dan haiwan.   |
| 8  | <b>Keadilan</b>                 | Menunjukkan dan mengamalkan sikap adil dalam sesuatu tindakan.  |
| 9  | <b>Keberanian</b>               | Menunjukkan sikap berani untuk berinteraksi dengan orang lain dan melaksanakan tugas yang baharu.   |
| 10 | <b>Kejujuran</b>                | Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan.  |
| 11 | <b>Kerajinan</b>                | Mengamalkan sikap rajin dalam melaksanakan tugas.   |
| 12 | <b>Kerjasama</b>                | Melakukan sesuatu bersama-sama untuk kebaikan semua.  |
| 13 | <b>Kesederhanaan</b>            | Bersikap tidak keterlaluan dalam kehidupan.   |
| 14 | <b>Toleransi</b>                | Bertolak ansur, sabar dan mengawal diri untuk kesejahteraan semua.  |

## TERAS 1 : STRATEGI 2

## MEMANTAPKAN ELEMEN KENEGARAAN, PERPADUAN DAN NILAI MURNI DALAM KURIKULUM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 2 : MENERAPKAN ELEMEN PERPADUAN DAN NILAI-NILAI MURNI DALAM DIRI MURID

#### PROGRAM

#### RAIKAN BAHASA KITA

##### 1. OBJEKTIF PROGRAM

Memberi pendedahan kepada murid tentang asas komunikasi bahasa kaum-kaum utama di Malaysia.

##### 2. MEKANISME PELAKSANAAN

- Pengajaran Komunikasi Asas Bahasa Ketiga kepada murid iaitu:

**Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil  
(Di semua Tabika Perpaduan di Semenanjung Malaysia dan W.P. Labuan)**

**Bahasa Kadazan  
(Di semua Tabika Perpaduan di Sabah)**

**Bahasa Iban  
(Di semua Tabika Perpaduan di Sarawak)**

##### 3. TEMPOH PELAKSANAAN

Pelaksanaan bermula tahun 2022.

##### 4. IMPAK PROGRAM

- Murid dapat bertutur secara asas dalam Bahasa Mandarin, Tamil, Kadazan atau Iban.
- Meningkatkan tahap keyakinan murid untuk bertutur dengan penggunaan perkataan asas bahasa ibunda rakan mereka.

## TERAS 1 : STRATEGI 2

## MEMANTAPKAN ELEMEN KENEGARAAN, PERPADUAN DAN NILAI MURNI DALAM KURIKULUM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 2 : MENERAPKAN ELEMEN PERPADUAN DAN NILAI-NILAI MURNI DALAM DIRI MURID

#### PROGRAM

#### PERPADUAN DALAM PEMBELAJARAN

##### 1. OBJEKTIF PROGRAM

Menerapkan elemen perpaduan dan nilai murni dalam setiap mata pelajaran yang diajar.

##### 2. MEKANISME PELAKSANAAN

- Elemen perpaduan dan nilai murni diterapkan melalui buku pembelajaran khusus yang diterbitkan bagi mata pelajaran yang berikut :

Buku  
Bahasa Melayu

Buku  
Sains Awal

Buku  
English

Buku  
Pendidikan Moral

Buku  
Matematik Awal

- Elemen perpaduan diterjemahkan menerusi gambar dan maklumat mengenai kepelbagaian kaum termasuk pakaian, alat permainan , makanan dan alat muzik.
- Guru melaksanakan aktiviti pengukuhan melalui Lembaran Kerja yang disediakan.

##### 3. TEMPOH PELAKSANAAN

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

##### 4. IMPAK PROGRAM

Murid dapat mengetahui dan faham tentang kaum, budaya dan agama yang terdapat di Malaysia.



## TERAS 1 : STRATEGI 2

## MEMANTAPKAN ELEMEN KENEGARAAN, PERPADUAN DAN NILAI MURNI DALAM KURIKULUM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 2 : MENERAPKAN ELEMEN PERPADUAN DAN NILAI-NILAI MURNI DALAM DIRI MURID

#### PROGRAM

**PEKA NILAI**  
**1 MINGGU 1 NILAI**

#### 1. OBJEKTIF PROGRAM

Memberi pemahaman tentang nilai-nilai murni dalam membentuk sahsiah dan budi pekerti yang mulia.

#### 2. MEKANISME PELAKSANAAN

- 1 Minggu 1 Nilai adalah aktiviti yang diperkenalkan di mana guru menjelaskan kebaikan dan kaedah pengamalan nilai murni.
- Nilai murni yang dipilih akan ditekankan dalam pembelajaran bagi tempoh seminggu, sebelum ditukarkan kepada penekanan nilai yang lain bagi minggu berikutnya. Penjelasan yang disokong dengan contoh-contoh yang sesuai selama seminggu, akan membantu murid memahami dengan lebih jelas dan menghayati nilai yang diajar.

#### 3. TEMPOH PELAKSANAAN

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

#### 4. IMPAK PROGRAM

Murid dapat mengetahui dan mengamalkan nilai murni yang dipelajari seperti kasih sayang, kerjasama, rajin dan jujur dalam aktiviti sehari-hari.



## TERAS 1 : STRATEGI 2

## MEMANTAPKAN ELEMEN KENEGARAAN, PERPADUAN DAN NILAI MURNI DALAM KURIKULUM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 2 : MENERAPKAN ELEMEN PERPADUAN DAN NILAI-NILAI MURNI DALAM DIRI MURID

#### PROGRAM

#### PEKA NILAI TAKE 5 – BIJAK BERTINDAK

##### 1. OBJEKTIF PROGRAM

Memberi kesedaran tentang amalan-amalan baik mengikut situasi semasa.

##### 2. MEKANISME PELAKSANAAN

- Tempoh pelaksanaan : 5 minit setiap hari sama ada di permulaan aktiviti persekolahan atau selepas waktu rehat di mana 3 minit untuk segmen Rukun Negara dan 2 minit untuk aktiviti kesedaran mengikut situasi. Contohnya dalam situasi pandemik Covid-19, diterapkan aktiviti kesedaran menjaga kebersihan diri.
- Pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan melalui kaedah gambar dan simulasi lakonan, nyanyian dan tayangan video.

##### 3. TEMPOH PELAKSANAAN

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

##### 4. IMPAK PROGRAM

- Murid memahami Prinsip Rukun Negara melalui pembelajaran yang lebih interaktif.
- Murid dapat mengetahui langkah-langkah kesedaran yang bersesuaian dengan keadaan semasa. Contohnya adalah menjaga kebersihan ketika berhadapan dengan pandemik Covid-19.



## TERAS 1 : STRATEGI 2

## MEMANTAPKAN ELEMEN KENEGARAAN, PERPADUAN DAN NILAI MURNI DALAM KURIKULUM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 2 : MENERAPKAN ELEMEN PERPADUAN DAN NILAI-NILAI MURNI DALAM DIRI MURID

#### PROGRAM

#### PEKA NILAI SAYANGI RAKAN

##### 1. OBJEKTIF PROGRAM

Memberi kefahaman dan menerapkan nilai-nilai persahabatan dalam diri murid.

##### 2. MEKANISME PELAKSANAAN

- Pelaksanaan aktiviti: Menghasilkan gelang persahabatan, kad ucapan, pertukaran hadiah, melukis wajah kawan baik dan menyenaraikan sifat serta ciri-ciri rakan yang diimpikan.
- Antara nilai persahabatan yang diajar adalah seperti berikut:

Jujur

Bertolak ansur

Hormat-menghormati

Bekerjasama

##### 3. TEMPOH PELAKSANAAN

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

##### 4. IMPAK PROGRAM

- Murid mengetahui nilai murni dalam persahabatan.
- Murid dapat mengenali rakan daripada kaum berlainan dengan lebih rapat.
- Mengeratkan hubungan rakan sekelas.



## TERAS 1 : STRATEGI 2

## MEMANTAPKAN ELEMEN KENEGARAAN, PERPADUAN DAN NILAI MURNI DALAM KURIKULUM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 2 : MENERAPKAN ELEMEN PERPADUAN DAN NILAI-NILAI MURNI DALAM DIRI MURID

#### PROGRAM

#### PEKA NILAI MINDA POSITIF

##### 1. OBJEKTIF PROGRAM

Memberi pengetahuan kepada murid supaya dapat membezakan antara perkara positif dan negatif.

##### 2. MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru memberi penerangan mengenai sikap yang positif dan negatif.
- Guru memberi bimbingan supaya murid sentiasa berfikiran positif dan berprasangka baik dalam apa jua situasi.
- Contoh nilai yang positif dan negatif :

Positif	Negatif
Berani	Takut
Jujur	Tidak amanah
Rajin	Malas

- Pelaksanaan: Simulasi lakonan, tayangan video, kuiz dan nyanyian lagu-lagu berunsurkan nilai positif seperti lagu Fikirkan Boleh dan Sahabat Selamanya.

##### 3. TEMPOH PELAKSANAAN

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

##### 4. IMPAK PROGRAM

- Murid dapat membezakan nilai positif dan negatif.
- Murid akan mengamalkan nilai positif dan tidak mengamalkan nilai negatif.

## TERAS 1 : STRATEGI 2

## MEMANTAPKAN ELEMEN KENEGARAAN, PERPADUAN DAN NILAI MURNI DALAM KURIKULUM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 2 : MENERAPKAN ELEMEN PERPADUAN DAN NILAI-NILAI MURNI DALAM DIRI MURID

#### PROGRAM

#### CELIK BUDAYA SENAM HARMONI

##### 1. OBJEKTIF PROGRAM

Memberi pengetahuan kepada murid berkenaan asas seni tari pelbagai kaum.

##### 2. MEKANISME PELAKSANAAN

- Murid diberi pengetahuan dan asas seni tari pelbagai kaum melalui aktiviti senaman. Contohnya Tarian Zapin bagi kaum Melayu, Tarian Kipas bagi kaum Cina, Tarian Bharata Natyam bagi kaum India, Tarian Sumazau bagi kaum Kadazan Dusun dan Tarian Ngajat bagi kaum Iban.
- Lima (5) jenis gabungan tarian yang asas dari pelbagai kaum diajar kepada murid selama 15 minit bagi setiap sesi.
- Murid juga diberi penerangan tentang latar belakang serta sejarah setiap jenis tarian yang diajar.

##### 3. TEMPOH PELAKSANAAN

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

##### 4. IMPAK PROGRAM

Murid dapat mengetahui dan mempraktikkan asas seni tari pelbagai kaum melalui senaman.



## TERAS 1 : STRATEGI 2

## MEMANTAPKAN ELEMEN KENEGARAAN, PERPADUAN DAN NILAI MURNI DALAM KURIKULUM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 2 : MENERAPKAN ELEMEN PERPADUAN DAN NILAI-NILAI MURNI DALAM DIRI MURID

#### PROGRAM

#### CELIK BUDAYA KRAF KAMI

##### 1. OBJEKTIF PROGRAM

Memberi pengetahuan dan pendedahan kepada murid tentang kepelbagaian seni kraf pelbagai kaum di Malaysia.

##### 2. MEKANISME PELAKSANAAN

- Murid diberi pendedahan tentang kepelbagaian hasil seni kraf daripada pelbagai kaum di Malaysia.
- Murid juga diberi tunjuk ajar kemahiran asas cara penyediaan barangang kraf tersebut.
- Contoh kraf: Anyaman ketupat, capan, wau, kolaj, wayang kulit, tanglung dan perhiasan diri.
- Murid dibimbing dalam penyediaan kraf dan guru menjelaskan tujuan serta latar belakang sejarah kraf yang disediakan.

##### 3. TEMPOH PELAKSANAAN

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

##### 4. IMPAK PROGRAM

- Meningkatkan kreativiti kemahiran motor halus murid.
- Murid dapat mengetahui seni kraf pelbagai kaum.



## TERAS 1 : STRATEGI 2

## MEMANTAPKAN ELEMEN KENEGARAAN, PERPADUAN DAN NILAI MURNI DALAM KURIKULUM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 2 : MENERAPKAN ELEMEN PERPADUAN DAN NILAI-NILAI MURNI DALAM DIRI DIRI MURID

#### PROGRAM

#### CELIK BUDAYA LAT TALI LAT TAMPLOM

##### 1. OBJEKTIF PROGRAM

Memberi pengetahuan dan pendedahan kepada murid tentang permainan dan sukan tradisional pelbagai kaum di Malaysia.

##### 2. MEKANISME PELAKSANAAN

- Murid diberi pendedahan dengan pelbagai aktiviti sukan tradisional, seperti permainan galah panjang, tarik tali, tarik upih, konda kondi, yo-yo cina, kabadi dan lain-lain.
- Aktiviti yang dilaksanakan seminggu sekali boleh dilaksanakan di dalam dan di luar kelas mengikut kesesuaian.

##### 3. TEMPOH PELAKSANAAN

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

##### 4. IMPAK PROGRAM

Murid dapat mengetahui jenis-jenis permainan tradisional pelbagai kaum.



## TERAS 1 : STRATEGI 2

## MEMANTAPKAN ELEMEN KENEGARAAN, PERPADUAN DAN NILAI MURNI DALAM KURIKULUM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 2 : MENERAPKAN ELEMEN PERPADUAN DAN NILAI-NILAI MURNI DALAM DIRI MURID

#### PROGRAM

#### KITA ANAK MALAYSIA JOM BERAYA

##### 1. OBJEKTIF PROGRAM

Memberi pengetahuan kepada murid tentang kepelbagaian sambutan perayaan utama yang terdapat dalam negara.

##### 2. MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru memberi penerangan tentang perayaan-perayaan utama yang disambut di Malaysia seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, Hari Gawai dan Pesta Kaamatan.
- Guru menganjurkan majlis sambutan setiap perayaan bersama murid.

##### 3. TEMPOH PELAKSANAAN

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

##### 4. IMPAK PROGRAM

Murid dapat mengetahui pelbagai jenis perayaan yang ada dalam negara.



## TERAS 1 : STRATEGI 2

## MEMANTAPKAN ELEMEN KENEGARAAN, PERPADUAN DAN NILAI MURNI DALAM KURIKULUM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 2 : MENERAPKAN ELEMEN PERPADUAN DAN NILAI-NILAI MURNI DALAM DIRI MURID

#### PROGRAM

#### KITA ANAK MALAYSIA ENAKNYA

##### 1. OBJEKTIF PROGRAM

Memberi pengetahuan kepada murid tentang kepelbagaiannya makanan tradisional kaum-kaum di Malaysia.

##### 2. MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru memberi penerangan tentang jenis-jenis makanan tradisional mengikut kaum dan negeri di Malaysia seperti:
 

Kaum Melayu	Ketupat, Nasi Lemak, Kuih Koci, Puteri Ayu
Kaum Cina	Kuih Bakul, Dim Sum, Tau Fu Fah, Char Kuetiau
Kaum India	Capati, Muruku, Tosai, Vadai
Sabah	Ambuyat, Kuih Cincin, Amplang, Barabbo
Sarawak	Laksa Sarawak, Mee Kolok, Kelupis, Tebaloi
- Guru dan murid bersama-sama menyediakan makanan tradisional mengikut ramuan dan kemudiannya merasai makanan yang telah disediakan.

##### 3. TEMPOH PELAKSANAAN

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

##### 4. IMPAK PROGRAM

Murid dapat mengetahui jenis-jenis makanan tradisi pelbagai kaum di Malaysia.



## TERAS 1 : STRATEGI 2

## MEMANTAPKAN ELEMEN KENEGARAAN, PERPADUAN DAN NILAI MURNI DALAM KURIKULUM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 2 : MENERAPKAN ELEMEN PERPADUAN DAN NILAI-NILAI MURNI DALAM DIRI MURID

#### PROGRAM

#### KITA ANAK MALAYSIA UNITY DAY

##### 1. OBJEKTIF PROGRAM

Memberi pengetahuan dan pendedahan tentang kepelbagaian budaya yang ada dalam negara.

##### 2. MEKANISME PELAKSANAAN

- Mengadakan sambutan *Unity Day* dalam tempoh 16 Ogos hingga 16 September setiap tahun.
- Guru memberi penerangan berkaitan ciri-ciri unik sesuatu kaum seperti makanan, pakaian dan nilai-nilai sepunya yang positif yang diamalkan oleh semua kaum.

##### 3. TEMPOH PELAKSANAAN

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

##### 4. IMPAK PROGRAM

Murid dapat mengetahui dan menghargai kepelbagaian budaya yang ada di negara kita.



## TERAS 1 : STRATEGI 2

## MEMANTAPKAN ELEMEN KENEGARAAN, PERPADUAN DAN NILAI MURNI DALAM KURIKULUM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 2 : MENERAPKAN ELEMEN PERPADUAN DAN NILAI-NILAI MURNI DALAM DIRI MURID

#### PROGRAM

#### KITA ANAK MALAYSIA WIRAKU

##### 1. OBJEKTIF PROGRAM

Memberi pengetahuan kepada murid tentang tokoh-tokoh dan pejuang kemerdekaan serta jasa-jasa yang disumbangkan kepada negara.

##### 2. MEKANISME PELAKSANAAN

- Guru menerangkan latar belakang dan sumbangan tokoh dan pejuang kemerdekaan yang banyak berjasa kepada negara melalui tayangan video dan gambar.
- Guru memberi bimbingan melalui penceritaan berkaitan jasa-jasa yang disumbangkan oleh tokoh dan pejuang bagi mencapai kemerdekaan negara.

##### 3. TEMPOH PELAKSANAAN

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

##### 4. IMPAK PROGRAM

Murid dapat mengenali tokoh-tokoh dan pejuang kemerdekaan negara.



## TERAS 1 : STRATEGI 2

## MEMANTAPKAN ELEMEN KENEGARAAN, PERPADUAN DAN NILAI MURNI DALAM KURIKULUM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 2 : MENERAPKAN ELEMEN PERPADUAN DAN NILAI-NILAI MURNI DALAM DIRI MURID

#### PROGRAM

#### JOM URUS DIRI

**1. OBJEKTIF PROGRAM**

Memberi pendedahan kepada murid tentang kemahiran asas pengurusan diri.

**2. MEKANISME PELAKSANAAN**

- Aspek kemahiran asas pengurusan diri yang ditekankan adalah meliputi:

● Kemahiran pengurusan tempat tidur

● Kemahiran berpakaian

● Kemahiran memakai dan menyusun kasut

● Kemahiran penggunaan tandas

● Kemahiran pengurusan waktu makan

● Kemahiran mengurus kebersihan bilik


- Aktiviti pembelajaran dilaksanakan oleh guru melalui tayangan video dan simulasi.

**3. TEMPOH PELAKSANAAN**

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

**4. IMPAK PROGRAM**

Murid dapat meningkatkan kemahiran, kekemasan dan disiplin dalam pengurusan diri.







**MELENTUR BULUH  
BIARLAH DARI  
REBUNGNYA**

# **TERAS 2**

---

**MEMANTAPKAN KAEDAH PENGAJARAN  
DAN PEMBELAJARAN (PdP)**

## TERAS 2

### MEMANTAPKAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)

#### STRATEGI 1

MEWUJUDKAN  
KESERAGAMAN DALAM  
PERANCANGAN  
PENGAJARAN

#### STRATEGI 2

MENINGKATKAN  
KREATIVITI DALAM  
AKTIVITI PENGAJARAN  
DAN PEMBELAJARAN  
(PdP)

#### STRATEGI 3

MEMANTAPKAN AKTIVITI  
PENGAJARAN DAN  
PEMBELAJARAN (PdP)  
MELALUI PENGGUNAAN  
TEKNOLOGI

## TERAS 2

### MEMANTAPKAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)

Teras kedua Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 mengandungi tiga (3) strategi iaitu:

- i. Mewujudkan Keseragaman Dalam Perancangan Pengajaran;
- ii. Meningkatkan Kreativiti Dalam Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP); dan
- iii. Memantapkan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Melalui Penggunaan Teknologi.

Keseragaman dalam perancangan pengajaran akan dapat memastikan guru-guru Tabika perpaduan menyediakan rancangan pengajaran yang lebih kemas dan tersusun. Keseragaman perancangan pengajaran yang diperkenalkan akan dapat meningkatkan standard dan kualiti PdP di semua Tabika Perpaduan.

Seiring dengan perkembangan teknologi serta perubahan persekitaran, kaedah pengajaran dan pembelajaran Tabika Perpaduan juga perlu dimantapkan agar menjadi lebih dinamik dan berkesan. Kaedah pengajaran konvensional yang berpusatkan kepada guru sahaja perlu diubah kepada kaedah yang lebih interaktif dan menggalakkan penglibatan murid.

Setiap kaedah dan teknik yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran perlu memberi kesan yang optimum kepada murid agar pembelajaran dapat diterima dengan jelas. Pengajaran yang dilaksanakan oleh guru sangat penting bagi memastikan apa yang diajarkan dapat diterima dan difahami oleh kanak-kanak.

# **TERAS 2 : STRATEGI 1**

---

**MEWUJUDKAN KESERAGAMAN DALAM  
PERANCANGAN PENGAJARAN**

BUKU PANDUAN PENGAJARAN TAHUNAN / MINGGUAN / HARIAN  
TABIKA PERPADUAN

65

## TERAS 2 : STRATEGI 1

### MEWUJUDKAN KESERAGAMAN DALAM PERANCANGAN PENGAJARAN

Mewujudkan keseragaman dalam perancangan pengajaran adalah penting sebagai usaha memantapkan standard dan kualiti pengajaran di semua Tabika Perpaduan seluruh negara. Di bawah strategi ini, buku Panduan Pengajaran Tahunan / Mingguan / Harian Tabika Perpaduan telah disediakan kepada semua guru sebagai panduan dan rujukan utama guru untuk menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Ini adalah untuk memastikan program pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang lebih sistematik dan berkesan di semua Tabika Perpaduan.

Dokumen pentaksiran iaitu buku Pentaksiran Pengajaran Harian / Bulanan Tabika Perpaduan berasaskan buku Panduan Pengajaran Tahunan / Mingguan / Harian Tabika Perpaduan turut disediakan sebagai panduan kepada guru Tabika Perpaduan untuk melaksanakan pentaksiran secara harian dan bulanan. Pentaksiran berdasarkan standard pembelajaran yang telah disusun adalah untuk memantau prestasi perkembangan murid secara berkala dan memastikan murid mencapai standard prestasi yang telah ditetapkan.



## TERAS 2 : STRATEGI 1

**MEMANTAPKAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)****STRATEGI 1 : MEWUJUDKAN KESERAGAMAN DALAM PERANCANGAN PENGAJARAN****PROGRAM****BUKU PANDUAN PENGAJARAN TAHUNAN / MINGGUAN / HARIAN TABIKA PERPADUAN****1. OBJEKTIF PROGRAM**

Menjadi panduan kepada guru Tabika Perpaduan untuk merancang dan melaksanakan program pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang lebih tersusun dan berkesan di semua Tabika Perpaduan.

**2. MEKANISME PELAKSANAAN**

- Perancangan pengajaran dan pembelajaran (PdP) sepanjang tahun berdasarkan KSPK, buku aktiviti setiap mata pelajaran, buku Pendidikan Rukun Negara dan bahan bantu mengajar yang kreatif dan interaktif.
- Perancangan aktiviti PdP adalah mengambil kira perkara berikut:
  - i. Kebolehan dan aras perkembangan kognitif murid;
  - ii. Memberi peluang kepada murid untuk membuat pilihan semasa menjalankan aktiviti;
  - iii. Menggunakan bahan majud dalam PdP bagi membantu murid menguasai konsep dan pengetahuan; dan
  - iv. Aktiviti di dalam dan di luar kelas yang pelbagai dan seimbang.
- Melaksanakan pentaksiran secara berkala.

**3. TEMPOH PELAKSANAAN**

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

**4. IMPAK PROGRAM**

- Semua guru di Tabika Perpaduan dapat menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang seragam dan sistematik.
- Guru dapat melihat prestasi perkembangan murid secara berkala.
- Peningkatan standard dan kualiti PdP di semua Tabika Perpaduan.

# **TERAS 2 : STRATEGI 2**

---


## **MENINGKATKAN KREATIVITI DALAM AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)**

RIANG RIA ABJAD	68-69
i-FIKIR	70-72
KIT TRANSFORMER	73-77
BRILLIANT WHEEL	78-81
CENDEKIAWAN CILIK (CELIK)	82-86

**TERAS 2 : STRATEGI 2****MENINGKATKAN KREATIVITI DALAM AKTIVITI  
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)**

Bahan Bantu Mengajar (BBM) sangat penting dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan dapat merangsang pemikiran murid-murid serta menimbulkan minat dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Guru-guru boleh mempelbagaikan BBM serta memilih bahan yang menarik dan bersesuaian dengan pengajaran yang dirancang.

Daya kreativiti dalam aktiviti pengajaran di kalangan para guru berupaya menarik minat murid mengikuti pembelajaran dengan baik dan mewujudkan suasana pembelajaran yang positif dan ceria. Aktiviti pengajaran boleh digabung jalin dengan aktiviti permainan kerana melalui kombinasi aktiviti seumpama ini murid dapat meningkatkan daya kreativiti dan imaginasi mereka. Berikut adalah kaedah dalam meningkatkan kreativiti PdP:



## TERAS 2 : STRATEGI 2

**MEMANTAPKAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)****STRATEGI 2 : MENINGKATKAN KREATIVITI DALAM AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)****PROGRAM****RIANG RIA ABJAD (RRA)****1. OBJEKTIF PROGRAM**

Mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk mempermudahkan murid mengenal huruf.

**2. MEKANISME PELAKSANAAN**

- Pendekatan memperkenalkan abjad dengan kaedah yang lebih menarik dan lebih mudah berasaskan bahan maujud (bahan konkret atau bahan sebenar yang boleh disentuh dan dipegang) seperti *flash card*.
- Pendekatan memperkenalkan abjad melalui aktiviti nyanyian dan menggunakan *body language* kepada murid semasa *morning circle*, selepas waktu kudapan dan waktu refleksi guru dan murid.

**3. TEMPOH PELAKSANAAN**

Pelaksanaan bermula tahun 2022.

**4. IMPAK PROGRAM**

Murid dapat mengenal huruf dan membaca dengan cepat.

TERAS 2 : STRATEGI 2

BAHAN BANTU MENGAJAR : RIANG RIA ABJAD (RRA)

**g**

(gajah)



**o**

(mulut bulat)



**m**

(bunyi dan  
tutup mulut )



**n**

(angkat lidah  
ke langit)




## TERAS 2 : STRATEGI 2

**MEMANTAPKAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)****STRATEGI 2 : MENINGKATKAN KREATIVITI DALAM AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)****PROGRAM****i-Fikir****1. OBJEKTIF PROGRAM**

Mempelbagaikan kaedah pengajaran yang menarik untuk merangsang pembelajaran yang lebih berkesan.

**2. MEKANISME PELAKSANAAN**

Penggunaan pelbagai jenis peta minda sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran. Antara peta minda yang boleh digunakan adalah:

**3. TEMPOH PELAKSANAAN**


Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

**4. IMPAK PROGRAM**

- Murid akan dapat memahami sesuatu fakta dengan lebih jelas.
- Murid dapat menumpukan perhatian terhadap aktiviti pengajaran.
- Aktiviti pembelajaran akan lebih menarik.

TERAS 2 : STRATEGI 2

BAHAN BANTU MENGAJAR : PETA MINDA




CONTOH PETA BULATAN



CONTOH PETA BUIH

## TERAS 2 : STRATEGI 2

## BAHAN BANTU MENGAJAR : PETA MINDA



CONTOH PETA DAKAP



CONTOH PETA ALIR

## TERAS 2 : STRATEGI 2

**MEMANTAPKAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)****STRATEGI 2 : MENINGKATKAN KREATIVITI DALAM AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)****PROGRAM****KIT TRANSFORMER****1. OBJEKTIF PROGRAM**

Memantapkan program pengajaran dan pembelajaran secara bersepadu yang merangkumi semua tunjang.

**2. MEKANISME PELAKSANAAN**

Penyediaan 5 bahan bantu mengajar (BBM) dalam satu kit iaitu :

**i. Permainan Dam Pintar,**

Jenis-jenis permainan yang disusun mengikut tunjang pembelajaran dalam tapak dam. Murid akan bermain mengikut giliran dan membuat tugas seperti yang dicatatkan di atas tapak dam.

**ii. Patisyen Pintar,**

Carta atau keratan akhbar berkaitan PdP digantung mengikut ketinggian murid.

**iii. Panggung Boneka,**

Ruang kepada murid menceritakan emosi atau melakonkan watak mengikut tajuk cerita.

**iv. Papan Pintar,**

Digunakan untuk aktiviti penguasaan motor halus. Contohnya melukis, menyambung garisan titik-titik dan sebagai papan jahit bagi murid memasukkan tali ke dalam lubang yang dilekatkan mengikut bentuk tertentu.

**v. Buku Pintar,**

Ruang kepada murid menceritakan emosi atau melakonkan watak mengikut tajuk cerita.

**3. TEMPOH PELAKSANAAN**

Pelaksanaan bermula tahun 2022.

**4. IMPAK PROGRAM**

- Murid dapat menerima pembelajaran dengan jelas dan cepat.
- Murid dapat berfikir secara kreatif dan inovatif.

TERAS 2 : STRATEGI 2

**BAHAN BANTU MENGAJAR : KIT TRANSFORMER**



**Dam Pintar**



**Patisyen Pintar**

TERAS 2 : STRATEGI 2

**BAHAN BANTU MENGAJAR : *KIT TRANSFORMER***



**Panggung Boneka**



**Papan Pintar**

TERAS 2 : STRATEGI 2

**BAHAN BANTU MENGAJAR : *KIT TRANSFORMER***



**Buku Pintar**

TERAS 2 : STRATEGI 2

**BAHAN BANTU MENGAJAR : KIT TRANSFORMER**



## TERAS 2 : STRATEGI 2

**MEMANTAPKAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)****STRATEGI 2 : MENINGKATKAN KREATIVITI DALAM AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)****PROGRAM*****BRILLIANT WHEEL*****1. OBJEKTIF PROGRAM**

Mempelbagaikan kaedah pengajaran yang menarik untuk merangsang pembelajaran yang lebih berkesan.

**2. MEKANISME PELAKSANAAN**

- *Brilliant Wheel* direkacipta dengan ciri-ciri khas seperti fleksibel dan mudah di bawa ke mana-mana oleh guru.
- Merangkumi 6 tunjang KSPK yang boleh diaplikasikan dengan lebih mudah dan berkesan serta menjimatkan masa.
- Terdapat 2 jenis iaitu *Single Brilliant Wheel* dan *Triple Brilliant Wheel*.
- Murid akan menyuaikan padankan jawapan antara roda kanan dan roda kiri.

**3. TEMPOH PELAKSANAAN**

Pelaksanaan bermula tahun 2022.

**4. IMPAK PROGRAM**

- Murid akan dapat memahami pembelajaran dengan lebih jelas.
- Aktiviti pembelajaran akan lebih menarik.
- Murid dapat berfikir secara kreatif dan inovatif.

TERAS 2 : STRATEGI 2

**BAHAN BANTU MENGAJAR : *BRILLIANT WHEEL***

**SINGLE BRILLIANT WHEEL**

- a) Lebih kecil, ringan dan mudah dikendalikan.
- b) Konsep pembelajaran yang diterapkan daripada mudah kepada yang lebih sukar.
- c) Kaedah permulaan untuk murid yang masih belum boleh menyesuaikan diri untuk melakukan aktiviti secara berkumpulan.



TERAS 2 : STRATEGI 2

**BAHAN BANTU MENGAJAR : BRILLIANT WHEEL**

**TRIPLE BRILLIANT WHEEL**

- a) Mempunyai 3 permukaan depan dan belakang
- b) Lebih sesuai untuk aktiviti berkumpulan
- c) Melatih murid berkomunikasi dengan berkesan dengan rakan sebaya
- d) Menarik minat murid melaksanakan aktiviti *hands-on* atau praktikal



TERAS 2 : STRATEGI 2

**BAHAN BANTU MENGAJAR : BRILLIANT WHEEL**



## TERAS 2 : STRATEGI 2

**MEMANTAPKAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)****STRATEGI 2 : MENINGKATKAN KREATIVITI DALAM AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)****PROGRAM****CENDEKIAWAN CILIK (CELIK)****1. OBJEKTIF PROGRAM**

Menyediakan konsep pembelajaran berpusatkan murid (*child centered*) dan membentuk murid yang kreatif dan inovatif.

**2. MEKANISME PELAKSANAAN**

Pembelajaran secara langsung (*hands-on*) mengikut tema seperti berikut :

Angkasa Lepas	Cakerawala	Tumbuh-tumbuhan
Taman Bunga	Haiwan ( <i>Mini Farm</i> )	Hidupan Di Air
Serangga	Gerai Buah-buahan	Makanan
Kenderaan	Permainan Tradisional	Perayaan
Pasar Raya	Pasar	Dapur Saya

**3. TEMPOH PELAKSANAAN**

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

**4. IMPAK PROGRAM**

- Murid dapat menimba ilmu berkaitan perkara-perkara asas sesuatu topik atau perkara.
- Murid dapat memahami dan mengadaptasi ilmu yang diperolehi dalam kehidupan harian.

TERAS 2 : STRATEGI 2

**BAHAN BANTU MENGAJAR : CENDEKIAWAN CILIK (CELIK)**



TEMA : ANGKASA LEPAS



TEMA : HAIWAN  
(MINI FARM)

TERAS 2 : STRATEGI 2

**BAHAN BANTU MENGAJAR : CENDEKIAWAN CILIK (CELIK)**



TEMA : HIDUPAN DI AIR



TEMA : PERAYAAN

TERAS 2 : STRATEGI 2

**BAHAN BANTU MENGAJAR : CENDEKIAWAN CILIK (CELIK)**



TEMA : TAMAN BUNGA



TEMA : SERANGGA

TERAS 2 : STRATEGI 2

**BAHAN BANTU MENGAJAR : CENDEKIAWAN CILIK (CELIK)**



**TEMA : PERMAINAN TRADISIONAL**

# **TERAS 2 : STRATEGI 3**

---

**MEMANTAPKAN AKTIVITI PENGAJARAN  
DAN PEMBELAJARAN (PdP)  
MELALUI PENGGUNAAN TEKNOLOGI**

i-PINTAR	89
GENIUS ICT	90

**TERAS 2 : STRATEGI 3****MEMANTAPKAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN  
PEMBELAJARAN (PdP) MELALUI  
PENGUNAAN TEKNOLOGI**

Sejajar dengan perubahan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), program pendidikan Tabika Perpaduan turut memanfaatkan penggunaan ICT dalam memantapkan aktiviti pengajaran supaya lebih berkesan, menarik dan interaktif.

Penggunaan teknologi yang disokong oleh Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang lain seperti penggunaan kaedah gabungan teks, grafik, audio, animasi dan video akan mewujudkan suasana pembelajaran yang interaktif antara guru dan murid.

Penggunaan teknologi dalam pendidikan juga akan memudahkan proses perkongsian maklumat bahan-bahan pengajaran yang boleh diakses bersama ibu bapa atau penjaga.



## TERAS 2 : STRATEGI 3

**MEMANTAPKAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)**

**STRATEGI 3 :**  
**MEMANTAPKAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN  
 PEMBELAJARAN (PdP) MELALUI PENGGUNAAN TEKNOLOGI**

**PROGRAM****i-PINTAR****1. OBJEKTIF PROGRAM**

Meningkatkan penggunaan aplikasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam melaksanakan program pengajaran dan pembelajaran.

**2. MEKANISME PELAKSANAAN**

Pelaksanaan pengajaran melalui :

**e-book**

Memuat naik buku aktiviti dalam sistem e-Tabika Perpaduan (e-TP) yang boleh diakses oleh ibu bapa / penjaga.

**QR Code**

Penggunaan QR Code semasa mengajar untuk pengajaran berkonsepkan audio visual.

**e-worksheet**

Lembaran kerja disediakan untuk aktiviti pengukuhan murid dan boleh diakses oleh ibu bapa / penjaga.

**Kit Media**

Bahan Bantu Mengajar yang interaktif seperti e-flash card dimuat naik dalam sistem e-TP dan boleh diakses oleh ibu bapa / penjaga.

**3. TEMPOH PELAKSANAAN**

Pelaksanaan bermula tahun 2022.

**4. IMPAK PROGRAM**

- Murid dapat mengikuti pembelajaran dengan lebih cepat.
- Ibu bapa dapat membantu proses pembelajaran anak di rumah.

## TERAS 2 : STRATEGI 3

**MEMANTAPKAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)**

**STRATEGI 3 :**  
**MEMANTAPKAN AKTIVITI PENGAJARAN DAN**  
**PEMBELAJARAN (PdP) MELALUI PENGGUNAAN TEKNOLOGI**

**PROGRAM****GENIUS ICT****1. OBJEKTIF PROGRAM**

Memberi pendedahan asas kepada murid berkenaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

**2. MEKANISME PELAKSANAAN**

- Menyediakan ruang kepada murid menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) semasa sesi pembelajaran.
- Antara pengisian pembelajaran:
  - i. Murid dibimbing mengenai pembelajaran asas komputer.
  - ii. Guru mengadakan kuiz berkaitan ICT.
  - iii. Murid yang telah mempunyai kemahiran asas ICT boleh mengajar rakan-rakan lain.

**3. TEMPOH PELAKSANAAN**

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

**4. IMPAK PROGRAM**

Murid dapat memahami perkara-perkara asas tentang penggunaan komputer.







**ILMU  
PELITA HIDUP**

# TERAS 3

---

MEMANTAPKAN PROFESIONALISME DAN  
KEPAKARAN GURU TABIKA PERPADUAN

# TERAS 3

## MEMANTAPKAN PROFESIONALISME DAN KEPAKARAN GURU TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 1

MENINGKATKAN  
PENGETAHUAN DAN  
KEMAHIRAN GURU

### STRATEGI 2

MEMBERI  
PENTAUHLAHAN  
KEPAKARAN MENGIKUT  
TUNJANG KURIKULUM  
STANDARD PRASEKOLAH  
KEBANGSAAN (KSPK)

## **TERAS 3**

### **MEMANTAPKAN PROFESIONALISME DAN KEPAKARAN GURU TABIKA PERPADUAN**

**T**eras ketiga Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 mengandungi dua (2) strategi iaitu:

- i. **Meningkatkan Pengetahuan dan Kemahiran Guru; dan**
- ii. **Memberi Pentaulihan Kepakaran Mengikut Tunjang Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).**

Kementerian Perpaduan Negara komited untuk memastikan semua Guru Tabika Perpaduan memiliki kelayakan Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (DPAKK) seperti mana yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Justeru, semua Guru Tabika Perpaduan yang masih belum mempunyai DPAKK akan ditawarkan mengikuti pengajian khusus dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak di mana-mana Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang diiktiraf oleh *Malaysian Qualifications Agency (MQA)*.

Menjelang tahun 2023, keseluruhan Guru Tabika Perpaduan akan mempunyai kelayakan DPAKK atau setara dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Ini adalah untuk memastikan guru-guru Tabika perpaduan memiliki tahap kompetensi yang diperlukan sebagai tenaga pengajar dalam pendidikan awal kanak-kanak.

Selain itu juga, guru-guru akan dihantar untuk mengikuti kursus-kursus peningkatan kompetensi dan kemahiran bagi memastikan mereka sentiasa dilengkapkan dengan pengetahuan, kompetensi dan kemahiran yang diperlukan.

# **TERAS 3 : STRATEGI 1**

---

## **MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN GURU**

KURSUS DAN LATIHAN GURU TABIKA PERPADUAN

99

**TERAS 3 : STRATEGI 1****MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN GURU**

Kursus dan latihan bagi peningkatan pengetahuan, kompetensi dan kemahiran yang lengkap merangkumi keseluruhan bidang tugas guru disediakan sebagai usaha memastikan guru Tabika Perpaduan memiliki pengetahuan, kompetensi dan kemahiran yang diperlukan sesuai dengan persekitaran dan kehendak semasa. Kursus dan latihan yang disediakan terdiri daripada empat (4) kluster iaitu:

- i. Kluster Kursus Asas
- ii. Kluster Kursus Pengurusan dan Pentadbiran
- iii. Kluster Kursus Pengurusan Kewangan
- iv. Kluster Kursus Seni dan Budaya

Modul kursus dan latihan yang meliputi semua aspek kompetensi perlu diikuti oleh semua guru dalam tempoh yang ditetapkan.



## TERAS 3 : STRATEGI 1

**MEMANTAPKAN PROFESIONALISME DAN KEPAKARAN GURU TABIKA PERPADUAN****STRATEGI 1 : MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN GURU****PROGRAM****KURSUS DAN LATIHAN GURU TABIKA PERPADUAN****1. OBJEKTIF PROGRAM**

Memastikan guru dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang lengkap sebagai guru Tabika Perpaduan.

**2. MEKANISME PELAKSANAAN**

1. Kluster Kursus Asas :
  - i. Kursus PADU
    - Kursus Asas Pendidikan Awal Kanak-Kanak Guru Tabika Perpaduan
    - Kursus Asas Pendidikan Awal Kanak-kanak Penolong Guru Tabika Perpaduan
  - ii. Kursus Kemahiran Komunikasi
    - Kursus 3 Tahap Bahasa Inggeris (Asas, Sederhana & Tinggi)
    - Kursus Komunikasi Asas Bahasa Ketiga:
      - Kursus Komunikasi Asas Bahasa Mandarin
      - Kursus Komunikasi Asas Bahasa Tamil
      - Kursus Komunikasi Asas Bahasa Kadazan
      - Kursus Komunikasi Asas Bahasa Iban
    - iii. Kursus Penghayatan dan Pengamalan Rukun Negara
2. Kluster Kursus Pengurusan dan Pentadbiran
  - i. Kursus Motivasi, Mengenal Potensi dan Penampilan Diri
  - ii. Kursus i-Guru
  - iii. Kursus Penyediaan Makanan yang Berkhasiat dan Bersih
3. Kluster Kursus Pengurusan Kewangan
  - i. Kursus Bijak Kewangan
  - ii. Kursus Perolehan dan Tatacara Aset Kerajaan
4. Kluster Kursus Seni dan Budaya
  - i. Kursus Kenali Budaya dan Etnik di Malaysia
  - ii. Kursus Asas Seni Muzik
  - iii. Kursus Pendidikan Nilai Estetika Kanak-Kanak
- Setiap guru hendaklah melengkapkan keseluruhan kursus dalam tempoh lima (5) tahun.

**3. TEMPOH PELAKSANAAN**

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

**4. IMPAK PROGRAM**

Guru dapat meningkatkan ilmu pengetahuan, tahap kompetensi dan kemahiran yang diperlukan.

**TERAS 3 : STRATEGI 1****1. KLUSTER KURSUS ASAS****i. KURSUS PADU - KURSUS ASAS PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK GURU TABIKA PERPADUAN DAN PENOLONG GURU TABIKA PERPADUAN**

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah memperkenalkan Kursus Pendidikan Awal Kanak-kanak Tabika Perpaduan (PADU) bagi menggantikan Kursus Asas Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan. Kursus ini diwajibkan kepada semua guru dan penolong guru yang baharu dilantik. Peserta yang GAGAL dalam kursus perlu mengulang semula kursus sehingga LULUS dalam tempoh yang ditetapkan. Kursus ini menjadi syarat asas untuk tujuan pengesahan lantikan.

Modul baharu ini merangkumi keseluruhan tugas utama guru. Tempoh kursus PADU adalah selama 3 minggu.

**STRUKTUR KURSUS**

Peserta perlu melengkapkan 144 jam kursus (3 minggu) seperti berikut :

BIL.	MODUL KURSUS	JUMLAH KREDIT
1	Perkembangan Kanak-kanak	24
2	Kurikulum dan Persekutaran	24
3	Pentadbiran dan Pengurusan	24
4	Keluarga dan Komuniti	24
5	Pengurusan Keselamatan dan Persekutaran	24
6	Literasi Kenegaraan	24
<b>JUMLAH</b>		<b>144</b>

**TERAS 3 : STRATEGI 1****ii. KURSUS KEMAHIRAN KOMUNIKASI**

Program ini merangkumi kursus penguasaan Bahasa Inggeris dan Asas Komunikasi Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil, Bahasa Kadazan serta Bahasa Iban. Melalui latihan dan kursus yang diperkenalkan ini, institusi pendidikan Tabika Perpaduan berupaya mempamerkan imej perpaduan dalam menyediakan kepelbagaian bahasa kepada murid-murid Tabika Perpaduan.

**- KURSUS 3 TAHAP BAHASA INGGERIS (ASAS, SEDERHANA & TINGGI)**

Kursus ini terbahagi kepada tiga (3) peringkat mengikut tahap penguasaan lisan dan penulisan. Semua guru Tabika Perpaduan akan **diwajibkan menduduki Ujian Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris (*English Placement Test*)** untuk menentukan tahap kursus yang akan diikuti.

Kaedah pelaksanaan Kursus Bahasa Inggeris adalah seperti berikut :

BIL.	PERKARA	HURAIAN
1	Tempoh Masa Pelaksanaan	3 hari 2 malam
2	Peserta Kursus	Guru Syarat : Wajib menduduki Ujian Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris.
3	Kandungan Kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bertutur.              • Menulis.</li> <li>• Mendengar.            • Pembentangan.</li> <li>• Membaca.</li> </ul>
4	Kaedah Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ceramah.</li> <li>• Aktiviti dalam kumpulan.</li> <li>• Tugasan individu.</li> <li>• Persembahan / pembentangan.</li> </ul>
5	Impak Selepas Kursus	Guru mahir menguasai Bahasa Inggeris untuk berinteraksi bersama kanak-kanak dalam kelas dengan menggunakan pelbagai teknik yang menceriakan bagi memudahkan pemahaman.

**TERAS 3 : STRATEGI 1****- KURSUS KOMUNIKASI ASAS BAHASA KETIGA**

- Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil, Bahasa Kadazan dan Bahasa Iban**

Kursus Komunikasi Asas Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil akan dilaksanakan kepada semua Guru Tabika Perpaduan di Semenanjung Malaysia dan di Wilayah Persekutuan Labuan, manakala Kursus Komunikasi Asas Bahasa Kadazan akan dilaksanakan kepada semua Guru Tabika Perpaduan di Sabah dan Kursus Komunikasi Asas Bahasa Iban akan dilaksanakan kepada semua Guru Tabika Perpaduan di Sarawak.

Kaedah pelaksanaan Kursus Komunikasi Asas Bahasa Ketiga adalah seperti berikut :

BIL.	PERKARA	HURAIAN
1	Tempoh Masa Pelaksanaan	3 hari 2 malam
2	Peserta Kursus	Guru
3	Kandungan Kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertutur.</li> <li>Mendengar.</li> <li>Membaca.</li> </ul>
4	Kaedah Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ceramah.</li> <li>Aktiviti dalam kumpulan.</li> <li>Tugasan individu.</li> <li>Persembahan / pembentangan.</li> </ul>
5	Impak Selepas Kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menguasai kemahiran asas komunikasi pelbagai bahasa untuk pengajaran dan pembelajaran di kelas.</li> <li>Guru dapat berkomunikasi pelbagai bahasa dengan murid mereka.</li> </ul>

**TERAS 3 : STRATEGI 1****iii. KURSUS PENGHAYATAN DAN PENGAMALAN RUKUN NEGARA**

Kursus ini memberi penekanan kepada kefahaman guru dan penolong guru kepada Rukun Negara, kepentingan menghayati lima (5) Prinsip Rukun Negara dan penerapan nilai-nilai murni yang terkandung dalam Rukun Negara. Matlamat utama kursus ini adalah memperkuuhkan kefahaman guru dan penolong guru kepada Rukun Negara dan seterusnya memastikan guru dan penolong guru dapat melaksanakan aktiviti pengajaran yang berkesan dan mencapai impak yang diharapkan.

Kaedah pelaksanaan Kursus Penghayatan dan Pengamalan Rukun Negara adalah seperti berikut :

BIL.	PERKARA	HURAIAN
1	Tempoh Masa Program	3 hari 2 malam
2	Peserta Kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru.</li> <li>• Penolong Guru.</li> </ul>
3	Pengisian Program	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sejarah Rukun Negara.</li> <li>• Pengertian Rukun Negara.</li> <li>• Aktiviti Penghayatan Rukun Negara Untuk Kanak-Kanak.</li> <li>• Penyediaan Bahan-Bahan Kreatif Bertema Rukun Negara.</li> <li>• Rukun Negara Kunci Penyatupaduan Masyarakat.</li> </ul>
4	Kaedah Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ceramah.</li> <li>• Aktiviti berkumpulan.</li> <li>• Aktiviti Luar (<i>Outdoor</i>).</li> <li>• Persembahan berkumpulan.</li> </ul>
5	Impak Selepas Program	Guru dapat merancang dan melaksanakan aktiviti berteraskan Rukun Negara semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kelas serta membuat penilaian tingkahlaku dan respon kanak-kanak mengenai kepentingan nilai-nilai berteraskan 5 Prinsip Rukun Negara.

**TERAS 3 : STRATEGI 1****2. KLUSTER KURSUS PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN****i. KURSUS MOTIVASI, MENGENAL POTENSI DAN PENAMPILAN DIRI**

Kursus ini bertujuan membentuk guru berfikiran positif, bertindak dengan bijaksana dan bersemangat tinggi dalam menjalankan tugas. Selain itu, modul penampilan diri dan membina imej diri sebagai seorang Guru atau Penolong Guru juga diperkenalkan untuk mempertingkatkan keyakinan diri guru dan penolong guru.

Kaedah pelaksanaan Kursus Motivasi, Mengenal Potensi dan Penampilan Diri adalah seperti berikut :

BIL.	PERKARA	HURAIAN
1	Tempoh Masa Pelaksanaan	4 hari 3 malam
2	Peserta Kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru.</li> <li>• Penolong Guru.</li> </ul>
3	Kandungan Kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memahami perkembangan manusia dan keunikannya.</li> <li>• Mengenalpasti kekuatan, kelemahan, peluang dan halangan.</li> <li>• Mengenalpasti bakat dan potensi diri.</li> <li>• Daya usaha meningkatkan pengetahuan.</li> <li>• Membina matlamat diri.</li> <li>• Mengadaptasi dan responsif terhadap persekitaran secara positif.</li> <li>• Imej ABCD <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <i>Appreance</i> (Penampilan diri).</li> <li>ii. <i>Behavior</i> (Pelakuan dan tingkah laku).</li> <li>iii. <i>Communication</i> (komunikasi lisan dan bukan lisan).</li> <li>iv. <i>Digital Imprint</i> (penulisan atau gambar online di media sosial).</li> </ul> </li> </ul>
4	Kaedah Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ceramah.</li> <li>• Aktiviti Dalam Kumpulan.</li> <li>• Tugasan Individu.</li> <li>• Persembahan/ Pembentangan.</li> </ul>
5	Impak Selepas Kursus	Guru akan sentiasa mempunyai keyakinan yang tinggi, bersifat positif, berdaya saing dan berketerampilan dalam menjalankan tugas.

**TERAS 3 : STRATEGI 1****ii. KURSUS i-GURU**

Kursus i-Guru ini bertujuan untuk melatih guru Tabika Perpaduan dalam bidang inovasi. Kursus ini adalah untuk melahirkan guru yang inovatif dan mampu melakukan pengintegrasian ICT dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Modul i-Guru ini dibangunkan untuk :

**1**

*Meningkatkan Pengetahuan dan Kemahiran Pendigitalan dalam Mendepani Perubahan Teknologi.*

**2**

*Menambahbaik Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).*

**3**

*Merekacipta Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang Interaktif.*

**4**

*Meningkatkan Kecekapan Melalui Aktiviti Latih Tubi dalam Melaksanakan Tugasan Kerja Berkumpulan.*

**5**

*Melaksanakan Projek Inovasi di Kelas Masing-masing.*

**TERAS 3 : STRATEGI 1**

Kaedah pelaksanaan Kursus i-Guru adalah seperti berikut :

BIL.	PERKARA	HURAIAN
1	Tempoh Masa Pelaksanaan	4 hari 3 malam
2	Peserta Kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru.</li> <li>• Jurulatih Utama Tabika Perpaduan.</li> </ul>
3	Kandungan Kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengenalan Inovasi dan Teknologi Pendidikan Abad ke 21.</li> <li>• Penerokaan Inovasi Teknologi dalam Pembelajaran dan Pengajaran (PdP).</li> <li>• Penghasilan Bahan Bantu Mengajar (BBM).</li> <li>• Guru sebagai <i>edufluencer</i> murid.</li> </ul>
4	Kaedah Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ceramah.</li> <li>• Aktiviti dalam kumpulan.</li> <li>• Persembahan / pembentangan.</li> </ul>
5	Impak Selepas Kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahan bantu mengajar dapat di hasilkan selari dengan perkembangan dengan pembelajaran terkini.</li> <li>• Guru dapat mempelbagaikan teknik dan kaedah yang kreatif dan inovatif untuk program pengajaran dan pembelajaran (PdP).</li> </ul>

**TERAS 3 : STRATEGI 1****iii. KURSUS PENYEDIAAN MAKANAN YANG BERKHASIAT DAN BERSIH**

Kursus ini diperkenalkan kepada Penolong Guru Tabika Perpaduan untuk meningkatkan pengetahuan dalam aspek penyediaan makanan kepada murid.

Kursus ini bukan sahaja memberi pengetahuan tentang kaedah penyediaan makanan berkhasiat, malah turut menekankan aspek penjagaan kebersihan dalam penyediaan makanan.

Kaedah pelaksanaan Kursus Penyediaan Makanan yang Berkhasiat dan Bersih adalah seperti berikut :

BIL.	PERKARA	HURAIAN
1	Tempoh Masa Pelaksanaan	4 hari 3 malam
2	Peserta Kursus	Penolong Guru
3	Kandungan Kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyediaan makanan berkhasiat kepada murid.</li> <li>• Penyediaan makanan yang menarik minat kanak-kanak.</li> <li>• Pemakanan yang seimbang dan membantu perkembangan kanak-kanak.</li> </ul>
4	Kaedah Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ceramah.</li> <li>• Aktiviti Dalam Kumpulan.</li> <li>• Persembahan/ Pembentangan.</li> </ul>
5	Impak Selepas Kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan pengetahuan dalam menyediakan makanan yang berkhasiat dan seimbang.</li> <li>• Guru dapat meningkatkan kreativiti dalam penyediaan makanan bagi menarik minat murid untuk mengambil makanan yang seimbang.</li> </ul>

**TERAS 3 : STRATEGI 1****3. KLUSTER KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN****i. KURSUS BIJAK KEWANGAN**

Kursus ini diperkenalkan untuk memberi pengetahuan dan kefahaman kepada guru dan penolong guru Tabika Perpaduan berkenaan prosedur pengurusan kewangan yang berkuatkuasa. Ini bagi memastikan guru dan penolong guru dapat melaksanakan tugas pengurusan kewangan dengan cekap, berkesan dan berintegriti.

Kaedah pelaksanaan Kursus Bijak Kewangan adalah seperti berikut :

BIL.	PERKARA	HURAIAN
1	Tempoh Masa Pelaksanaan	4 hari 3 malam
2	Peserta Kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru.</li> <li>• Penolong Guru.</li> </ul>
3	Kandungan Kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membantu guru dan penolong guru untuk memahami prosedur pengurusan kewangan yang betul.</li> <li>• Memberi pendedahan tentang sistem pengurusan kewangan yang sistematik dan berkesan.</li> <li>• Membantu guru dan penolong guru dalam mengendalikan kewangan dengan berhemah.</li> </ul>
4	Kaedah Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ceramah.</li> <li>• Aktiviti Dalam Kumpulan.</li> <li>• Aktiviti Individu.</li> <li>• Persembahan/ Pembentangan.</li> </ul>
5	Impak Selepas Kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kewangan yang sistematik dan teratur.</li> <li>• Pengurusan kewangan di kelas lebih cekap dan efisyen.</li> </ul>

**TERAS 3 : STRATEGI 1****ii. KURSUS PEROLEHAN DAN TATACARA ASET KERAJAAN**

Kursus ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan kefahaman kepada guru dan penolong guru berhubung pengurusan perolehan kerajaan dan tatacara pengurusan aset kerajaan di kelas Tabika Perpaduan. Kandungan kursus merangkumi peraturan dan pekeliling yang berkuatkuasa, akauntabiliti awam, penyediaan pelaporan yang tepat serta sistem rekod aset/inventori.

Kaedah pelaksanaan Kursus Perolehan dan Tatacara Pengurusan Aset Kerajaan adalah seperti berikut :

BIL.	PERKARA	HURAIAN
1	Tempoh Masa Pelaksanaan	4 hari 3 malam
2	Peserta Kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru.</li> <li>• Penolong Guru.</li> </ul>
3	Kandungan Kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi penjelasan mengenai peraturan dan pekeliling semasa yang berkuatkuasa.</li> <li>• Memberi penerangan tentang kepentingan integriti dan akauntabiliti penjawat awam.</li> <li>• Meningkatkan penyediaan pelaporan kewangan yang tepat.</li> <li>• Kaedah dan tatacara pengurusan Aset Kerajaan.</li> <li>• Ceramah.</li> </ul>
4	Kaedah Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti Dalam Kumpulan.</li> <li>• Aktiviti Individu.</li> <li>• Persembahan/ Pembentangan.</li> <li>• Peningkatan Prestasi Kerja.</li> </ul>
5	Impak Selepas Kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan berkaitan dengan prosedur perolehan dan pengurusan aset kerajaan.</li> </ul>

**TERAS 3 : STRATEGI 1****4. KLUSTER KURSUS SENI DAN BUDAYA****i. KURSUS KENALI BUDAYA DAN ETNIK DI MALAYSIA**

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman kepada guru dan penolong guru mengenai kepelbagaian budaya dan etnik yang berbeza di Malaysia seperti adat resam, pantang larang dan sensitiviti, pakaian tradisi, permainan tradisi, seni budaya warisan, makanan dan bahasa. Kursus ini akan memberi pendedahan kepada guru dan penolong guru tentang kaedah dan teknik pengajaran berkesan mengenai budaya dan etnik.

Kaedah pelaksanaan Kursus Kenali Budaya dan Etnik di Malaysia adalah seperti berikut :

BIL.	PERKARA	HURAIAN
1	Tempoh Masa Program	3 hari 2 malam
2	Peserta Kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru.</li> <li>• Penolong Guru.</li> </ul>
3	Pengisian Program	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengenalan Budaya Dan Etnik di Malaysia.</li> <li>• Adat Resam dan Pantang Larang.</li> <li>• Keunikan Seni Budaya dan Silang Budaya.</li> <li>• Permainan Tradisional.</li> <li>• Hargai Kepelbagaian di Malaysia.</li> </ul>
4	Kaedah Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ceramah.</li> <li>• Aktiviti berkumpulan.</li> <li>• Aktiviti Luar (<i>Outdoor</i>).</li> <li>• Persembahan berkumpulan.</li> </ul>
5	Kaedah Penilaian Selepas Program	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru dapat meningkatkan pengetahuan berkaitan dengan silang budaya dan adat resam dalam negara.</li> <li>• Guru dapat melaksanakan pelbagai aktiviti silang budaya bersama murid-murid untuk membuka minda dan memberi peluang kepada murid meneroka serta mengekspresikan diri dengan kepelbagaian budaya warisan kaum-kaum di Malaysia.</li> </ul>

**TERAS 3 : STRATEGI 1****ii. KURSUS ASAS SENI MUZIK**

Kursus ini memberi pendedahan kepada Guru Tabika Perpaduan mengenai kemahiran seni muzik yang bersesuaian untuk kanak-kanak. Kursus ini melatih Guru Tabika Perpaduan mengenai pelbagai rentak dan genre irama muzik kanak-kanak. Mereka bukan sahaja boleh menggunakan alat muzik, malah mampu menghasilkan alat muzik menggunakan bahan terbuang secara kreatif.

Kaedah pelaksanaan Kursus Asas Seni Muzik Kanak-kanak adalah seperti berikut :

BIL.	PERKARA	HURAIAN
1	Tempoh Masa Pelaksanaan	3 hari 2 malam
2	Peserta Kursus	Guru
3	Kandungan Kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendedahan mengenai kemahiran seni muzik.</li> <li>• Memberi peluang mengikuti perkembangan seni muzik.</li> <li>• Mempelajari pelbagai rentak dan genre irama muzik yang boleh menarik minat kanak-kanak.</li> <li>• Melatih guru menggunakan bahan sedia ada dalam kelas atau persekitaran untuk mencipta irama yang kreatif.</li> </ul>
4	Kaedah Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ceramah.</li> <li>• Aktiviti Dalam Kumpulan.</li> <li>• Tugasan Individu.</li> <li>• Persembahan/ Pembentangan.</li> </ul>
5	Impak Selepas Kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan berkaitan seni muzik.</li> <li>• Guru berkemahiran menggunakan pelbagai jenis alat muzik dan menggunakan pendekatan muzik dan nyanyian dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di kelas. Kaedah ini mampu membantu mempertingkatkan perkembangan koordinasi dan kemahiran murid serta tingkahlaku positif mereka juga dapat dipupuk.</li> </ul>

**TERAS 3 : STRATEGI 1****iii. KURSUS PENDIDIKAN NILAI ESTETIKA KANAK-KANAK**

Kursus ini bertujuan mempertingkatkan kemahiran para guru Tabika Perpaduan dalam aspek penilaian hasil kerja kanak-kanak. Nilai estetika bermaksud keupayaan menilai seni kreatif sama ada seni visual, seni persembahan atau seni muzik yang memerlukan penghayatan sama ada melalui penglihatan mahupun pendengaran untuk memahami jiwa kanak-kanak. Secara umum, estetika yang berasal daripada perkataan Yunani iaitu ‘*aesthesia*’ bermaksud hal-hal yang dapat diserapkan oleh pancaindera atau lebih khusus lagi ialah ‘kepekaan’ persepsi pancaindera kanak-kanak (*sense of perception*) yang digunakan dalam kesemua cabang kesenian. Estetika juga berkait rapat dengan emosi, kognitif dan afektif.



**TERAS 3 : STRATEGI 1**

Kaedah pelaksanaan Kursus Pendidikan Nilai Estetika Kanak-Kanak adalah seperti berikut :

BIL.	PERKARA	HURAIAN
1	Tempoh Masa Pelaksanaan	3 hari 2 malam
2	Peserta Kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru</li> </ul>
3	Kandungan Kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengenalan kepada Nilai Estetika Kanak-Kanak.</li> <li>• Hubungkait Estetika dengan emosi, kognitif dan afektif kanak-kanak.</li> <li>• Memahami tiga (3) tahap estetika kanak-kanak iaitu:-           <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Estetika sikap kanak-kanak.</li> <li>ii. Estetika respon kanak-kanak.</li> <li>iii. Estetika pengalaman kanak-kanak.</li> </ul> </li> <li>• Mempertingkatkan kemahiran Guru menghayati, menilai, menterjemah dan menganalisa hasil kerja kanak-kanak.</li> </ul>
4	Kaedah Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ceramah.</li> <li>• Aktiviti Dalam Kumpulan.</li> <li>• Aktiviti Individu.</li> <li>• Persembahan/ Pembentangan.</li> </ul>
5	Impak Selepas Kursus	Guru boleh menilai tingkahlaku murid di dalam kelas serta mempunyai pengetahuan dalam teknik menganalisa berdasarkan rekod penilaian hasil kerja murid.

# **TERAS 3 : STRATEGI 2**

---

**MEMBERI PENTAULIAHAN KEPAKARAN  
MENGIKUT TUNJANG KURIKULUM  
STANDARD PRASEKOLAH KEBANGSAAN  
(KSPK)**

PENGKHUSUSAN BIDANG MENGIKUT TUNJANG

116

## TERAS 3 : STRATEGI 2

### MEMBERI PENTAULIAHAN KEPAKARAN MENGIKUT TUNJANG KURIKULUM STANDARD PRASEKOLAH KEBANGSAAN (KSPK)

Pentaulahan kepakaran kepada guru Tabika Perpaduan dalam enam (6) bidang tunjang di bawah Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) ini bertujuan untuk menyediakan satu kumpulan pakar dalam kalangan guru Tabika Perpaduan yang akan menjadi sumber rujukan, jurulatih dan mentor kepada guru-guru lain. Guru yang telah dilatih dan ditauliahkan ini akan menjadi pakar di dalam bidang masing-masing.

Pentaulahan akan diberi setelah guru-guru ini melalui siri latihan khusus yang disediakan. Guru-guru pakar ini juga akan dipertanggungjawabkan untuk menambah baik modul-modul dan silibus pendidikan Tabika Perpaduan.



## TERAS 3 : STRATEGI 2

**MEMANTAPKAN PROFESIONALISME DAN KEPAKARAN GURU TABIKA PERPADUAN****STRATEGI 2 : MEMBERI PENTAULIAHAN KEPAKARAN MENGIKUT TUNJANG KURIKULUM STANDARD PRASEKOLAH KEBANGSAAN (KSPK)****PROGRAM****PENGKHUSUSAN BIDANG MENGIKUT TUNJANG****1. OBJEKTIF PROGRAM**

Mewujudkan kumpulan guru pakar mengikut tunjang KSPK sebagai sumber rujukan.

**2. MEKANISME PELAKSANAAN**

Menyediakan siri latihan pembangunan kemahiran dan pengetahuan guru berpandukan pengkhususan bidang mengikut Tunjang KSPK.

**3. TEMPOH PELAKSANAAN**

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

**4. IMPAK PROGRAM**

Melahirkan guru pakar mengikut tunjang KSPK yang akan menjadi sumber rujukan kepada guru-guru lain.



**TERAS 3 : STRATEGI 2****1. KURSUS PENGKHUSUSAN BIDANG MENGIKUT TUNJANG**

Kursus ini bertujuan memberi petaulahan kepada guru yang mempunyai kepakaran dalam setiap enam (6) bidang tunjang Kurikulum Standard Prasekolah (KSPK). Enam (6) bidang tunjang KSPK tersebut adalah Tunjang Komunikasi, Tunjang Kemanusiaan, Tunjang Keterampilan Diri, Tunjang Perkembangan Fizikal dan Estetika, Tunjang Sains dan Teknologi serta Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai. Melalui kursus ini, guru akan dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang yang khusus mengikut tunjang KSPK serta kemahiran dalam pengurusan ruang secara kreatif di dalam dan luar kelas Tabika Perpaduan untuk menghasilkan program pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan.

Petaulahan akan diberi setelah guru-guru ini berjaya mengikuti semua siri latihan khusus mengikut tunjang yang disediakan. Guru yang telah ditauliahkan mengikut tunjang ini akan menjadi rujukan kepada guru-guru lain dalam program pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pelaksanaan kursus adalah secara berfasa iaitu peringkat asas, pertengahan dan tinggi.

Kaedah pelaksanaan Kursus Pengkhususan Bidang Mengikut Tunjang setiap fasa adalah seperti berikut :

BIL.	PERKARA	HURAIAN
1	Tempoh Masa Pelaksanaan	3 hari 2 malam
2	Peserta Kursus	Jurulatih Utama Tabika Perpaduan
3	Kandungan Kursus	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengenali Tunjang dalam KPSK.</li> <li>• Penggunaan ruang Kelas.</li> <li>• Penyediaan bahan-bahan yang selesa, mudah alih, pelbagai bentuk, selamat, ceria dan bermakna kepada murid.</li> <li>• Halangan, cabaran dan penyelesaian.</li> </ul>
4	Kaedah Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ceramah.</li> <li>• Aktiviti dalam Kumpulan.</li> <li>• Kuiz.</li> <li>• Pembentangan / Persembahan.</li> </ul>
5	Impak Selepas Program	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melahirkan guru pakar setiap tunjang KSPK</li> <li>• Guru yang ditauliahkan akan menjadi sumber rujukan kepada guru lain.</li> </ul>





**BULAT AIR KERANA  
PEMBENTUNG,  
BULAT MANUSIA  
KERANA MUAFAKAT**

# **TERAS 4**

---

**MEMANTAPKAN TADBIR URUS  
PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN  
TABIKA PERPADUAN**

# TERAS 4

## MEMANTAPKAN TADBIR URUS PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 1

MENGAPLIKASI  
PENGGUNAAN  
TEKNOLOGI DALAM  
PENGURUSAN DAN  
PENGOPERASIAN  
TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 2

MENINGKATKAN KUALITI  
PENGURUSAN DAN  
PENGOPERASIAN  
TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 3

MENINGKATKAN IMEJ  
TABIKA PERPADUAN

## **TERAS 4**

### **MEMANTAPKAN TADBIR URUS PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN TABIKA PERPADUAN**

**T**eras keempat Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 mengandungi tiga (3) strategi iaitu:

- i. Mengaplikasi Penggunaan Teknologi Dalam Pengurusan dan Pengoperasian Tabika Perpaduan;
- ii. Meningkatkan Kualiti Pengurusan dan Pengoperasian Tabika Perpaduan; dan
- iii. Meningkatkan Imej Tabika Perpaduan.

Tadbir urus yang cekap, sistematik dan seragam merupakan elemen penting dalam memastikan program pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam suasana yang menarik, selamat dan kondusif.

# **TERAS 4 : STRATEGI 1**

---

**MENGAPLIKASI PENGGUNAAN  
TEKNOLOGI DALAM PENGURUSAN DAN  
PENGOPERASIAN TABIKA PERPADUAN**

MEMBANGUNKAN SISTEM e-TABIKA PERPADUAN (e-TP)

125

## TERAS 4 : STRATEGI 1

### MENGAPLIKASI PENGGUNAAN TEKNOLOGI DALAM PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN TABIKA PERPADUAN

Pengurusan Tabika Perpaduan perlu memanfaatkan kemudahan teknologi dengan menggunakan aplikasi digital sebagai platform mengukuhkan pelaksanaan program pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan teknologi dalam urusan perekodan maklumat, mengakses maklumat dan komunikasi akan memastikan tindakan yang lebih pantas, tepat, cekap dan sistematik.

Sistem e-Tabika Perpaduan (e-TP) akan dimantapkan dan diperluaskan fungsi dan penggunaannya sebagai sumber penyimpanan maklumat secara menyeluruh termasuk rekod maklumat guru, murid, kewangan dan aset.

e-TP juga akan menjadi platform komunikasi atas talian antara guru dan ibu bapa / penjaga serta pegawai di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.



## TERAS 4 : STRATEGI 1

## MEMANTAPKAN TADBIR URUS PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 1 : MENGAPLIKASI PENGGUNAAN TEKNOLOGI DALAM PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN TABIKA PERPADUAN

**PROGRAM****MEMBANGUNKAN SISTEM e-TABIKA PERPADUAN (e-TP)****1. OBJEKTIF PROGRAM**

- i. Memastikan data dan maklumat Tabika Perpaduan disimpan dengan teratur dan selamat.
- ii. Menjadi platform komunikasi atas talian antara guru dan ibu bapa / penjaga.

**2. MEKANISME PELAKSANAAN**

Sistem e-TP merangkumi perkara berikut:

Data Pendaftaran	Pendaftaran murid oleh ibu bapa / penjaga secara atas talian.
Data Kehadiran	Kehadiran murid direkodkan oleh Guru menggunakan sistem QR Code.
Data Murid Tabika Perpaduan	Data murid akan direkodkan dan boleh diakses oleh KPN dan JPNIN mengikut keperluan.
Data Guru	Data peribadi guru dan status akademik.
Data Pengurusan Aset	Pengurusan aset dan pemantauan yang lebih berkesan di peringkat KPN dan JPNIN.
Data Laporan Kewangan TP	Maklumat dan prestasi kewangan setiap kelas boleh diakses dan dipantau.
Direktori Premis TP	Lokasi TP dapat dirujuk oleh ibu bapa / penjaga bagi tujuan pendaftaran.
Data Rekod Pentaksiran	Perekodan pentaksiran perkembangan fizikal dan pembelajaran murid berdasarkan konstruk KSPK direkod oleh guru dan ibu bapa / penjaga dapat mengakses maklumat ini.
Bahan Pengajaran Digital	Maklumat dan sumber bahan pengajaran didokumentasikan di dalam sistem e-TP dan boleh diakses sebagai panduan sesi pengajaran dan pembelajaran.

**3. TEMPOH PELAKSANAAN**

Pelaksanaan bermula tahun 2022.

**4. IMPAK PROGRAM**

- Pangkalan data dan pengurusan kelas yang lebih sistematik.
- Komunikasi antara guru dan ibu bapa / penjaga yang lebih efektif dan efisien.

# **TERAS 4 : STRATEGI 2**

---

## **MENINGKATKAN KUALITI PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN TABIKA PERPADUAN**

**BUKU PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TABIKA PERPADUAN**

**128**

**MENYEDIAKAN RUANG PEMBELAJARAN YANG SELAMAT DAN TERATUR**

**129**

**TERAS 4 : STRATEGI 2****MENINGKATKAN KUALITI PENGURUSAN  
DAN PENGOPERASIAN TABIKA PERPADUAN**

Pengoperasian Tabika Perpaduan yang teratur dan sistematik dapat meningkatkan kualiti dan kecekapan dalam pelaksanaan pengurusan dan pentadbiran Tabika Perpaduan. Di samping itu, pengurusan persekitaran yang kondusif dan selamat hendaklah diwujudkan bagi memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

Justeru, Buku Pengurusan Dan Pentadbiran Tabika Perpaduan diterbitkan untuk memberikan maklumat dan panduan yang jelas berkaitan dengan tadbir urus Tabika Perpaduan kepada guru dan semua peringkat yang terlibat.



## TERAS 4 : STRATEGI 2

## MEMANTAPKAN TADBIR URUS PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 2 : MENINGKATKAN KUALITI PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN TABIKA PERPADUAN

**PROGRAM**

#### **BUKU PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TABIKA PERPADUAN**

**1. OBJEKTIF  
PROGRAM**

Memastikan pengurusan dan pentadbiran Tabika Perpaduan yang teratur dan sistematik.

**2. MEKANISME  
PELAKSANAAN**

- i. Penyediaan Buku Pengurusan dan Pentadbiran sebagai rujukan kepada semua guru dan pegawai.
- ii. Kandungan Buku Pengurusan dan Pentadbiran :
  - a) Bab A : Pembukaan Tabika Perpaduan
  - b) Bab B : Pentadbiran Tabika Perpaduan
  - c) Bab C : Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan
  - d) Bab D : Pengendalian Akaun Kelas Tabika Perpaduan
  - e) Bab E : Bantuan Makanan Tambahan
  - f) Bab F : Pengurusan Aset Tabika Perpaduan
  - g) Bab G : Keselamatan Kelas Dan Murid Tabika Perpaduan

**3. TEMPOH  
PELAKSANAAN**

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

**4. IMPAK PROGRAM**

Pematuhan kepada segala garis panduan, kaedah dan pelaksanaan dalam tadbir urus Tabika Perpaduan.

## TERAS 4 : STRATEGI 2

## MEMANTAPKAN TADBIR URUS PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 2 : MENINGKATKAN KUALITI PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN TABIKA PERPADUAN

#### PROGRAM

#### MENYEDIAKAN RUANG PEMBELAJARAN YANG SELAMAT DAN TERATUR

##### 1. OBJEKTIF PROGRAM

Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan selamat.

##### 2. MEKANISME PELAKSANAAN

Menyediakan ruang pembelajaran yang selamat dan kondusif seperti :

- i. Ruang, perabot, peralatan yang bersih dan selamat untuk digunakan;
- ii. Pencahayaan dan pengudaraan yang sesuai;
- iii. Persekutuan yang selamat dan merangsang pembelajaran;
- iv. Susun atur perabot di dalam kelas hendaklah mudah diubah mengikut kesesuaian perancangan pengajaran dan pembelajaran (PdP);
- v. Peralatan BBM hendaklah disusun dengan kemas dan mudah diakses oleh murid;
- vi. Hasil kerja murid dipamerkan dalam kelas bagi meningkatkan keyakinan dan menggalakkan murid dalam mempamerkan kreativiti mereka; dan
- vi. Penggunaan ruang secara optimum.

##### 3. TEMPOH PELAKSANAAN

Pelaksanaan bermula tahun 2021.

##### 4. IMPAK PROGRAM

Aktiviti pembelajaran dapat dilaksanakan dengan selamat, efektif dan berkesan.

# **TERAS 4 : STRATEGI 3**

---

## **MENINGKATKAN IMEJ TABIKA PERPADUAN**

KESERAGAMAN IDENTITI TABIKA PERPADUAN

132

**TERAS 4 : STRATEGI 3****MENINGKATKAN IMEJ TABIKA PERPADUAN**

Peningkatan imej Tabika Perpaduan dilaksanakan melalui pengenalan logo Tabika Perpaduan, pakaian seragam Tabika Perpaduan, perabot dan keseragaman warna bangunan kelas Tabika Perpaduan di seluruh negara.

Imej baharu ini memberi nafas baharu kepada Tabika Perpaduan serta mewujudkan rasa kesepunyaan (*sense of belonging*) dan keseragaman (*uniformity*) dalam kalangan guru-guru, ibu bapa dan murid-murid Tabika Perpaduan.



## TERAS 4 : STRATEGI 3

## MEMANTAPKAN TADBIR URUS PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 3 : MENINGKATKAN IMEJ TABIKA PERPADUAN

#### PROGRAM

#### KESERAGAMAN IDENTITI TABIKA PERPADUAN

##### 1. OBJEKTIF PROGRAM

Mewujudkan imej Tabika Perpaduan yang seragam.

##### 2. MEKANISME PELAKSANAAN

Pengenalan imej baharu dan seragam Tabika Perpaduan yang merangkumi :



##### 3. TEMPOH PELAKSANAAN

Pelaksanaan bermula Mac 2021.

##### 4. IMPAK PROGRAM

- Meningkatkan imej Tabika Perpaduan.
- Meningkatkan rasa kekitaan dalam kalangan guru dan murid.

## KESERAGAMAN IDENTITI TABIKA PERPADUAN




### i. LOGO TABIKA PERPADUAN



### ii. BANGUNAN TABIKA PERPADUAN

TERAS 4 : STRATEGI 3

**KESERAGAMAN IDENTITI TABIKA PERPADUAN**



**iii. PAKAIAN SERAGAM TABIKA PERPADUAN**

TERAS 4 : STRATEGI 3

**KESERAGAMAN IDENTITI TABIKA PERPADUAN**

**iv. PERABOT DAN KELENGKAPAN TABIKA PERPADUAN**



**MEJA HEXAGON DAN KERUSI TABIKA PERPADUAN**

TERAS 4 : STRATEGI 3

**KESERAGAMAN IDENTITI TABIKA PERPADUAN**

**iv. PERABOT DAN KELENGKAPAN TABIKA PERPADUAN**



**SINKI**



**TANDAS KANAK-KANAK**



**BERSATU TEGUH,  
BERCERAI ROBOH**

# TERAS 5

---

MENGUKUHKAN JALINAN KERJASAMA  
TABIKA PERPADUAN BERSAMA KOMUNITI

# TERAS 5

## MENGUKUHKAN JALINAN KERJASAMA TABIKA PERPADUAN BERSAMA KOMUNITI

### STRATEGI 1

MEMPERKASA PERANAN  
DAN TANGGUNGJAWAB  
JAWATANKUASA  
PENYELARAS TABIKA  
PERPADUAN (JPTP)

### STRATEGI 2

MEMPERLUAS JALINAN  
KERJASAMA DENGAN  
KOMUNITI

## TERAS 5

### MENGUKUHKAN JALINAN KERJASAMA TABIKA PERPADUAN BERSAMA KOMUNITI

Teras kelima Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 mengandungi dua (2) strategi iaitu:

- i. Memperkasa Peranan dan Tanggungjawab Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan (JPTP); dan
- ii. Memperluas Jalinan Kerjasama Dengan Komuniti.

Fokus di dalam teras ini adalah kepada peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan (JPTP) serta usaha ke arah memperluas jalinan kerjasama antara Tabika Perpaduan dengan komuniti.

Penglibatan aktif ibu bapa dan komuniti melalui kerjasama yang erat dengan Tabika akan meningkatkan kualiti dan kecemerlangan pendidikan anak-anak dan memupuk budaya perpaduan dan keharmonian yang bermula di Tabika Perpaduan.



# **TERAS 5 : STRATEGI 1**

---

## **MEMPERKASA PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PENYELARAS TABIKA PERPADUAN (JPTP)**

TABIKA PERPADUAN DI HATIKU	143
CAKNA IBU BAPA	144
ERAT	145

## TERAS 5 : STRATEGI 1

### MEMPERKASA PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PENYELARAS TABIKA PERPADUAN (JPTP)

Peranan Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan (JPTP) dimantapkan melalui penglibatan aktif JPTP dalam pelaksanaan program-program yang disusun untuk menggalakkan perkembangan murid dengan menyediakan persekitaran yang sihat.

JPTP adalah terdiri daripada ibu bapa / penjaga, Guru Tabika Perpaduan, Penolong Guru Tabika Perpaduan dan Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga. Pemilihan ahli JPTP dilaksanakan pada setiap tahun.

Secara umumnya peranan JPTP adalah seperti berikut:

- i. Merancang dan melaksanakan program atau aktiviti ke arah meningkatkan kualiti pembelajaran dan perkembangan murid khususnya dalam bidang kebajikan, kesihatan, pemakanan dan keselamatan murid;
- ii. Membantu meningkatkan promosi dan hebahan mengenai Tabika Perpaduan di peringkat komuniti;
- iii. Membantu dan bekerjasama dengan guru dan penolong guru dalam penyediaan bahan bantu mengajar;
- iv. Membantu mengurus kewangan kelas Tabika Perpaduan berdasarkan peraturan semasa;
- v. Menjalankan jaringan kerjasama strategik antara kelas dan agensi kerajaan, swasta, NGO dan komuniti setempat.

Komitmen dan kerjasama JPTP sama ada dalam bentuk idea mahu pun tenaga dapat membantu meningkatkan prestasi Tabika Perpaduan melalui penganjuran program-program yang telah disusun.

## TERAS 5 : STRATEGI 1

## MENGUKUHKAN JALINAN KERJASAMA TABIKA PERPADUAN BERSAMA KOMUNITI

### STRATEGI 1 : MEMPERKASA PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PENYELARAS TABIKA PERPADUAN (JPTP)

#### PROGRAM

#### TABIKA PERPADUAN DI HATIKU

##### 1. OBJEKTIF PROGRAM

Meningkatkan penglibatan aktif JPTP dalam aktiviti yang dilaksanakan bersama Tabika Perpaduan.

##### 2. MEKANISME PELAKSANAAN

Pelaksanaan aktiviti Tabika Perpaduan dan JPTP adalah seperti berikut:

###### Gotong-royong

Dilaksanakan pada hujung minggu dengan kekerapan 3 kali setahun bertujuan membersih, menceriakan kelas dan kawasan sekeliling Tabika Perpaduan.

###### Hari Keluarga

Dilaksanakan sekali setahun. Aktiviti yang dilaksanakan adalah sukaneka, pertandingan menyediakan Bahan Bantu Mengajar oleh ibu bapa/penjaga dan pameran hasil kerja murid.

###### Hari Pintar Kreatif

Dilaksanakan dalam bulan Oktober dengan fokus pengisian untuk menggilap dan melihat potensi serta bakat murid dalam persembahan bercerita, nyanyian, pembacaan buku atau berita, taridra dan sudut pameran kreativiti dan aktiviti murid.

###### Hari Potensi Anak

Dilaksanakan dalam bulan Jun dan Oktober sebagai platform kepada ibu bapa / penjaga untuk mendapatkan maklumat perkembangan dan tahap penguasaan pembelajaran murid di Tabika Perpaduan.

##### 3. TEMPOH PELAKSANAAN

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

##### 4. IMPAK PROGRAM

Mengeratkan hubungan antara guru dan JPTP dalam meningkatkan prestasi Tabika Perpaduan.

## TERAS 5 : STRATEGI 1

## MENGUKUHKAN JALINAN KERJASAMA TABIKA PERPADUAN BERSAMA KOMUNITI

### STRATEGI 1 : MEMPERKASA PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PENYELARAS TABIKA PERPADUAN (JPTP)

## PROGRAM

## CAKNA IBU BAPA

## 1. OBJEKTIF PROGRAM

Memberi pendedahan kepada ibu bapa / penjaga berhubung perkembangan potensi dan psikologi anak-anak.

## 2. MEKANISME PELAKSANAAN

- Menyediakan data dan informasi kepada ibu bapa / penjaga berhubung tahap pertumbuhan dan perkembangan murid
- Pelaksanaan salah satu kursus / taklimat berikut :
  - i. Kursus Perkembangan Psikologi Anak;
  - ii. Kursus Perkembangan Fizikal Anak; atau
  - iii. Kursus 4M (Membaca, Menulis, Mengira dan Menaakul).
- Dilaksanakan 1 kali setahun.

## 3. TEMPOH PELAKSANAAN

Pelaksanaan bermula tahun 2022.

## 4. IMPAK PROGRAM

Ibu bapa / penjaga dapat mengenal pasti tahap perkembangan potensi dan psikologi anak-anak.

TERAS 5 : STRATEGI 1

## MENGUKUHKAN JALINAN KERJASAMA TABIKA PERPADUAN BERSAMA KOMUNITI

### STRATEGI 1 : MEMPERKASA PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PENYELARAS TABIKA PERPADUAN (JPTP)

#### PROGRAM

#### ERAT

**1. OBJEKTIF PROGRAM**

Menyediakan medium komunikasi untuk mengukuhkan hubungan antara ibu bapa dan guru.

**2. MEKANISME PELAKSANAAN**

- Menggunakan platform media sosial seperti *Facebook*, *Whatsapp* dan *Sync* sebagai medium perhubungan dan komunikasi.
- Maklumat daripada pihak sekolah dapat disalurkan dengan mudah dan cepat untuk tindakan ibu bapa. Ibu bapa juga boleh memberikan maklum balas dan menyampaikan pendapat, idea atau pandangan.

**3. TEMPOH PELAKSANAAN**

Pelaksanaan bermula tahun 2022.

**4. IMPAK PROGRAM**

Mengeratkan hubungan antara guru dan JPTP dalam meningkatkan prestasi Tabika Perpaduan.

# **TERAS 5 : STRATEGI 2**

---

## **MEMPERLUAS JALINAN KERJASAMA DENGAN KOMUNITI**

JOM SIHAT

148

TP CERIA

149

## TERAS 5 : STRATEGI 2

### MEMPERLUAS JALINAN KERJASAMA DENGAN KOMUNITI

Jalinan kerjasama dengan komuniti bertujuan menyediakan ekosistem yang menyokong pencapaian objektif Tabika Perpaduan. Pelbagai program boleh dianjurkan melalui kerjasama dengan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta dan badan korporat.



## TERAS 5 : STRATEGI 2

## MENGUKUHKAN JALINAN KERJASAMA TABIKA PERPADUAN BERSAMA KOMUNITI

### STRATEGI 2 : MEMPERLUAS JALINAN KERJASAMA DENGAN KOMUNITI

#### PROGRAM

#### JOM SIHAT

##### 1. OBJEKTIF PROGRAM

Memberi pengetahuan dan kesedaran kepada murid berkaitan keselamatan dan kesihatan dalam kehidupan seharian.

##### 2. MEKANISME PELAKSANAAN

- Mengadakan kerjasama antara Tabika Perpaduan dengan Jabatan Kesihatan Negeri dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- Pengisian program adalah seperti berikut:
  - Program Perpaduan dan Keselamatan Makanan (PADUKA)
  - Program Tunas Doktor Muda
  - Program Kecemasan dan Keselamatan bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Bersama  
Jabatan Kesihatan  
Negeri

##### 3. TEMPOH PELAKSANAAN

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

##### 4. IMPAK PROGRAM

- Murid mengetahui perkara asas berkaitan penjagaan kesihatan seperti penjagaan gigi dan pemakanan sihat.
- Murid dapat mengetahui perkara asas untuk menjaga keselamatan diri terutama pada waktu kecemasan.

## TERAS 5 : STRATEGI 2

## MENGUKUHKAN JALINAN KERJASAMA TABIKA PERPADUAN BERSAMA KOMUNITI

### STRATEGI 2 : MEMPERLUAS JALINAN KERJASAMA DENGAN KOMUNITI

#### PROGRAM

#### TP CERIA

**1. OBJEKTIF PROGRAM**

Meningkatkan kerjasama dengan NGO, sektor swasta dan badan korporat melalui aktiviti keceriaan kelas.

**2. MEKANISME PELAKSANAAN**

- Melibatkan NGO, sektor swasta dan badan korporat dalam mencereriakan lagi Tabika Perpaduan contohnya lukisan mural dan landskap.
- Pelaksanaan aktiviti secara bersama antara pihak yang terlibat dengan guru dan murid.

**3. TEMPOH PELAKSANAAN**

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

**4. IMPAK PROGRAM**

- Meningkatkan penglibatan NGO, sektor swasta dan badan korporat dalam aktiviti Tabika Perpaduan.
- Meningkatkan keceriaan Tabika Perpaduan.







**NILAI MURNI  
AMALAN MULIA**

# TERAS 6

---

MEMPERKASAKAN MEKANISME  
PEMANTAUAN DAN PENILAIAN  
PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN  
TABIKA PERPADUAN

**TERAS  
6**

## **MEMPERKASAKAN MEKANISME PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN TABIKA PERPADUAN**

**STRATEGI 1**

**MENUBUKAN UNIT  
NAZIRAN**

**STRATEGI 2**

**MELAKSANAKAN SISTEM  
*STAR RATING* TABIKA  
PERPADUAN**

## TERAS 6

### MEMPERKASAKAN MEKANISME PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN TABIKA PERPADUAN

Teras keenam Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 mengandungi dua (2) strategi iaitu:

- i. Menubuhkan Unit Naziran; dan
- ii. Melaksanakan Sistem *Star Rating* Tabika Perpaduan.

Pemerkasaan mekanisme pemantauan dan penilaian adalah penting dalam memastikan kualiti Tabika Perpaduan sentiasa di tahap terbaik dari segala aspek termasuklah kandungan kurikulum, aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) mahupun tadbir urus.



# **TERAS 6 : STRATEGI 1**

## **MENUBUHKAN UNIT NAZIRAN**

PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

157

## TERAS 6 : STRATEGI 1

### MENUBUHKAN UNIT NAZIRAN

Pemantauan dan penilaian merupakan dua (2) aspek penting dalam memastikan Tabika Perpaduan memainkan peranan sebagai institusi pendidikan prasekolah yang memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti. Melalui proses pemantauan dan penilaian, sebarang kelemahan dapat dikenal pasti dan langkah penambahbaikan dapat diformulasikan. Justeru itu, pada 1 Februari 2021 Kementerian Perpaduan Negara telah menubuhkan Unit Naziran dengan fungsi seperti berikut :

1

**Memastikan aspek Pengajaran dan Pembelajaran di semua Tabika Perpaduan adalah yang terbaik dan terkini.**

2

**Mengadakan Lawatan Naziran secara berkala mengikut jadual yang telah ditetapkan bagi menyemak kualiti pengurusan dan pengoperasian Tabika Perpaduan.**

3

**Menilai keberkesanan program / aktiviti yang dilaksanakan oleh Tabika Perpaduan.**

4

**Menyediakan laporan keberkesanan program / aktiviti yang dilaksanakan oleh Tabika Perpaduan.**

5

**Mengemukakan syor-syor penambahbaikan kepada pihak Kementerian.**

6

**Memastikan hal ehwal pengurusan dan pentadbiran seperti agihan Bantuan Makanan Tambahan dan Geran Perkapita dilaksanakan dengan terancang dan teratur.**

## TERAS 6 : STRATEGI 1

## MEMPERKASAKAN MECHANISME PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 1 : MENUBUHKAN UNIT NAZIRAN

#### PROGRAM

#### PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

**1. OBJEKTIF PROGRAM**

Membuat pemantauan dan penilaian ke atas pengurusan dan pengoperasian Tabika Perpaduan.

**2. MEKANISME PELAKSANAAN**

- Pemantauan dan penilaian yang dilaksanakan adalah berdasarkan Buku Garis Panduan Naziran Tabika Perpaduan yang memfokuskan kepada :

**Dimensi Kualiti Guru**

- i. Profesionalisme
- ii. Etika Guru

**Dimensi Kurikulum**

- i. Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)
- ii. Dokumen Kurikulum
- iii. Pentaksiran

**Dimensi Pentadbiran**

- |                              |                       |
|------------------------------|-----------------------|
| i. Dokumen Pengurusan        | ii. Dokumen Peralatan |
| ii. Kesihatan dan Kebersihan | iv. Keselamatan       |

- Pelaksanaan Naziran:

- i. Kenaziran Berfokus**
- ii. Kenaziran Menyeluruh**

**3. TEMPOH PELAKSANAAN**

Pelaksanaan bermula Ogos 2021.

**4. IMPAK PROGRAM**

Pengurusan dan pengoperasian Tabika Perpaduan yang berkualiti dan sistematis.

**TERAS 6 : STRATEGI 1****PEMANTAUAN DAN PENILAIAN**

Pemantauan dan penilaian memfokuskan tiga (3) dimensi untuk memastikan pengurusan dan pengoperasian Tabika Perpaduan dilaksanakan dengan berkualiti dan sistematik iaitu :

**Dimensi Kualiti Guru**

Pemantauan dan penilaian adalah dilaksanakan secara berasingan kepada guru dan penolong guru Tabika Perpaduan. Aspek yang dinilai adalah melibatkan:

- i. **Profesionalisme** : Memantau pelaksanaan tanggungjawab dan kursus-kursus yang perlu dihadiri oleh guru dan penolong guru Tabika Perpaduan untuk memastikan guru memiliki pengetahuan, kompetensi dan kemahiran dalam menguruskan pendidikan awal kanak-kanak Tabika Perpaduan.
- ii. **Etika guru** : Merekodkan tingkah laku dan keterampilan guru dan penolong guru dalam menjalankan tugas di Tabika Perpaduan.

**Dimensi Kurikulum**

Pemantauan dan penilaian dimensi kurikulum adalah melibatkan aspek berikut:

- i. **Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)** : Menilai keberkesanan pedagogi yang digunakan oleh guru dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta penglibatan murid di dalam kelas.
- ii. **Dokumen Kurikulum** : Memantau dan menilai penggunaan dokumen berkaitan aktiviti PdP yang disediakan untuk pengoperasian Tabika Perpaduan.
- iii. **Pentaksiran** : Mentaksir dan merekodkan perkembangan dan prestasi murid Tabika Perpaduan.

**Dimensi Pentadbiran**

Pemantauan dan penilaian melibatkan aspek berikut :

- i. **Dokumen Pengurusan dan Peralatan**: Memantau dan menilai pelbagai jenis rekod pentadbiran, dokumen pengajaran dan pembelajaran serta sudut pengajaran dan pembelajaran yang disediakan.
- ii. **Kesihatan dan Keselamatan** : Memastikan prosedur amalan gaya hidup sihat diamalkan serta mematuhi tahap keselamatan yang telah ditetapkan oleh agensi yang berkaitan.

TERAS 6 : STRATEGI 1

**PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN  
TABIKA PERPADUAN**

**Dimensi Kualiti Guru**

Profesionalisme Guru dan Penolong Guru

Etika Guru dan Penolong Guru

**Dimensi Kurikulum**

Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

- i. Pengajaran
- ii. Interaksi

Dokumen Kurikulum

Pentaksiran

**Dimensi Pentadbiran**

Dokumen Pengurusan

Dokumen Peralatan

Kesihatan dan Kebersihan

Keselamatan

# **TERAS 6 : STRATEGI 2**

---

**MELAKSANAKAN SISTEM *STAR RATING*  
TABIKA PERPADUAN**

**STAR RATING**

**162**

## TERAS 6 : STRATEGI 2

### MELAKSANAKAN SISTEM STAR RATING TABIKA PERPADUAN

Sistem *Star Rating* diperkenalkan sebagai salah satu langkah pemerkasaan mekanisme pemantauan dan penilaian. Ia bertujuan bagi memastikan segala aspek berkaitan pengurusan dan pentadbiran Tabika Perpaduan termasuk kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) sentiasa diberi penekanan dan usaha penambahbaikan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan perkhidmatan yang berkualiti dan terbaik.

Pengiktirafan *Star Rating* adalah terdiri daripada:

**1**

*Star Rating Kualiti Guru*

**2**

*Star Rating Prestasi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)*

**3**

*Star Rating Tadbir Urus Tabika Perpaduan*

Kriteria pencapaian *Star Rating* adalah seperti berikut :

KATEGORI	%
★★★★★	90-100
★★★★	80-89
★★★	70-79
★★	60-69
★	40-59

## TERAS 6 : STRATEGI 2

## MEMPERKASAKAN MEKANISME PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN TABIKA PERPADUAN

### STRATEGI 2 : MELAKSANAKAN SISTEM *STAR RATING* TABIKA PERPADUAN

#### PROGRAM

#### *STAR RATING*

##### 1. OBJEKTIF PROGRAM

Memastikan penyampaian perkhidmatan pengurusan dan pengoperasian Tabika Perpaduan adalah berkualiti dan berada pada tahap yang terbaik.

##### 2. MEKANISME PELAKSANAAN

- Pelaksanaan *Star Rating* melibatkan penilaian dan penggredan ke atas tiga (3) dimensi:

##### *Star Rating Kualiti Guru*

Penilaian berdasarkan pematuhan kepada profesionalisme dan etika guru Tabika Perpaduan.

##### *Star Rating Prestasi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)*

Penilaian berdasarkan kreativiti dan inovasi yang dilaksanakan dalam penyampaian pembelajaran dan pengajaran. Rekod pentaksiran untuk menilai pencapaian murid juga turut diambil kira dalam penilaian ini.

##### *Star Rating Tadbir Urus Tabika Perpaduan*

Penilaian pencapaian pengurusan pentadbiran serta keselamatan dan kesihatan terhadap murid dan persekitaran kelas.

##### 3. TEMPOH PELAKSANAAN

Pelaksanaan bermula tahun 2022.

##### 4. IMPAK PROGRAM

- Guru Tabika Perpaduan akan sentiasa memberikan perkhidmatan yang berkualiti.
- Program PdP yang sentiasa kreatif dan menarik di Tabika Perpaduan.
- Pengurusan dan pentadbiran Tabika Perpaduan yang teratur.



# **PERPADUAN TERAS PEMBANGUNAN NEGARA**



**PENUTUP**

# PENUTUP

**Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030** merupakan pelan yang menggariskan hala tuju ke arah memantapkan peranan Tabika Perpaduan secara inklusif sebagai institusi pendidikan awal kanak-kanak dalam memperkembangkan potensi dan melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara serta memiliki akhlak yang mulia.

Kejayaan pelaksanaan pelan ini bukan hanya terletak pada usaha dan peranan Kementerian Perpaduan Negara sahaja tetapi ianya memerlukan kerjasama dan komitmen pelbagai pihak khususnya komuniti setempat.





# GLOSARI


<b>BBM</b>	Bahan Bantu Mengajar
<b>DPAKK</b>	Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak
<b>DPN</b>	Dasar Perpaduan Negara
<b>e-TP</b>	Pangkalan Data Tabika Perpaduan
<b>ICT</b>	Information and Communications Technology
<b>IPT</b>	Institut Pengajian Tinggi
<b>JKN</b>	Jabatan Kesihatan Negeri
<b>JKTP</b>	Jawatankuasa Kebajikan Tabika Perpaduan
<b>JPNIN</b>	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
<b>JPTP</b>	Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan
<b>KPM</b>	Kementerian Pendidikan Malaysia
<b>KPN</b>	Kementerian Perpaduan Negara
<b>KSPK</b>	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
<b>MQA</b>	Malaysian Qualifications Agency
<b>NGO</b>	Non-Governmental Organization
<b>PdP</b>	Pengajaran dan Pembelajaran
<b>PTPN</b>	Pelan Tindakan Perpaduan Negara
<b>TP</b>	Tabika Perpaduan





ISBN 978-967-19585-4-4

9 7 8 9 6 7 1 9 5 8 5 4 4

A standard linear barcode representing the ISBN number 978-967-19585-4-4.

**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**  
ARAS 5 - 10, BLOK F KOMPLEKS F,  
LEBUH PERDANA TIMUR, PRESINT 1,  
62000 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.

TEL: +603 8091 8000  
EMEL: pro@perpaduan.gov.my